



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Laporan Tahunan 2011

sentiasa merintis, sentiasa menerajui



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Laporan Tahunan 2011

اوتيوورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Laporan Sidang 2011

SIDANG PENGARANG

Ketua Sidang Pengarang

Fazidah binti Itrin

Sidang Pengarang

Marsita binti Taib

Noornahar binti Akashah

Mohd Azmi bin Mat Said

Mohd Shahar bin Akashah

Amir Akmal bin Alwee

Samsul bin Samdin

Farudin Hanif bin Ya' amah

Akmal bin Abdul Manap

Ahmad Hafiz bin Mohd Puad

Ahmad Faizal bin Abdul Rahman

Sharifah Nurul Faridah binti Syed Abu Bakar

Mohd Khairulhusaini bin Mohd Saad

Bob Faizeli bin Mohamed Din

Laporan Kewangan

Khairul bin Taib

Noraini binti Zabidin

Rekaletak & Grafik

Aziza binti Md Buang

Suria binti Abdul Rahman

Norhayati binti Yakob

Ahmad Saufie bin Jaffar

Urus Setia

Azmin Fadli bin Mahyuddin

Al Rohaiya binti Adanan

Kandungan

Maklumat Korporat Dan Profil Universiti	13	Jaringan Industri Dan Masyarakat	73
Laporan Naib Canselor	17	Pembangunan Kampus	85
Pencapaian Dan Pengiktirafan	23	Gedung Ilmu	89
Kualiti Dan Akreditasi	27	Infra Dan Info Ict	93
Akademik	39	Pembangunan Pelajar	97
Antarabangsa	45	Pembangunan & Pengurusan Sumber Manusia	101
Penyelidikan Dan Inovasi	65	Laporan Kewangan	113

**GREEN
LAND** ICELAND



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
MARA
UNIVERSITY
MARA
UNIVERSITY
MARA
UNIVERSITY
MARA

اونيور سیتی
MARA
UNIVERSITY
MARA
UNIVERSITY
MARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

UNIVERSITY MARA

Visi

Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif Dan Inovatif Terkemuka Di Dunia

Misi

Melahirkan Ahli Profesional Yang Bersahsiah Murni, Kompeten Dan Berketrampilan Tinggi Melalui Pendidikan Universiti Teknikal Berkualiti Dan Bertaraf Dunia Berteraskan Pengajaran, Pembelajaran Dan Penyelidikan Berorientasikan Aplikasi Dengan Perkongsian Pintar Universiti-Industri Seajar Dengan Aspirasi Negara


Moto

Kompetensi Teras Kegemilangan



Objektif Strategik Universiti

1. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
2. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (k-Profesional).
3. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional .
4. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
5. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
6. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
7. Mempertingkatkan aktiviti menjana pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan.
8. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.



CANSELOR

TUN DATUK SERI UTAMA
MOHD KHALIL BIN YAAKOB
Tuan Yang Terutama
Yang di-Pertua Negeri Melaka



PRO CANSELOR

Y.BHG.TAN SRI DATUK DR.
JOHARI BIN MAT



NAIB CANSELOR

Y.BHG. PROF. DATUK DR.
AHMAD YUSOFF BIN HASSAN



PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Y.BHG.DATUK IR. DR. HAJI AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN

AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



1. Y.BHG. PROF. DATUK DR.
AHMAD YUSOFF BIN HASSAN

2. Y.B. DATUK WIRA HAJI OMAR
BIN KASEH

3. Y.BHG. DATUK DR.
HJ. ABDUL RAMAN BIN HJ. SAAD

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك


4. Y.B. DATUK WIRA IR.
HJ. IDRIS BIN HJ. HARON

5. Y.BHG. PROF. DR. AZALI
BIN MOHAMED

6. ENCIK TAJOL AZHAR
BIN MD. TAHIR

7. ENCIK SHAHID-DIN
BIN MOHD KHATIB
Ahli Ganti -
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

8. ENCIK HASAN BIN SIRUN
Setiausaha



PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI

Y.BHG. PROF. DATUK DR.
AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Naib Canselor

Y.BHG. PROF. IR. DR.
MOHD. JAILANI BIN MOHD. NOR
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

Y.BHG. PROF. DATO' DR.
MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

Y.BHG. ENGR. PROF. DR.
MARIZAN BIN SULAIMAN
Penolong Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Y.BHG. PROF. DR.
MUHAMMAD GHAZIE BIN ISMAIL
Penolong Naib Canselor
(Jaringan Industri & Masyarakat)

PUAN HAJAH FARIDAH
BINTI HJ. MD. AMIN
Ketua Pustakawan

ENCIK HASAN
BIN SIRUN
Pendaftar

ENCIK KHAIRUL
BIN TAIB
Bendahari



PEGAWAI - PEGAWAI KANAN UNIVERSITI



1. PROF. DR. MOHD RAZALI
BIN MUHAMAD
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah

2. PROF. MADYA DR.
ABDUL RANI BIN OTHMAN
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektronik &
Kejuruteraan Komputer

3. PROF. DR. MD. RAZALI
BIN AYOB
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal


4. PROF. MADYA DR.
ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

5. PROF. DR. SHAHRIN
BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN
Dekan
Fakulti Teknologi Maklumat &
Komunikasi

6. DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

7. PROF. MADYA MOHD RAHIMI
BIN YUSOFF
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan

8. DR. MD. NOR HAYATI
BIN TAHIR
Dekan
Fakulti Pengurusan Teknologi &
Teknousahawanan



PEGAWAI - PEGAWAI KANAN UNIVERSITI



1. DR. MARIANA BINTI YUSOFF
Dekan
Pusat Bahasa dan
Pembangunan Insan

2. ENCIK MOHD ISA
BIN MOHD DOM
Pengarah
Pusat Komputer

3. ENCIK ABDUL WAHAB
BIN HARUN
Pengarah
Pejabat Pembangunan


4. DR. SYED NAJMUDDIN
BIN SYED HASSAN
Pengarah
Pusat Pengajaran & Pembelajaran

5. PROF. MADYA SHAHDAN
BIN MD. LANI
Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti
& Akreditasi

6. DR. HAZMILAH BIN HASAN
Pengarah
Penerbit Universiti

7. PROF. MADYA DR. IZ Aidin
BIN ABDUL MAJID
Pengarah
Pusat Pembelajaran Berterusan

8. DR. RADZUAN BIN NORDIN
Pengarah
Pusat Islam



Maklumat Korporat Dan Profil Universiti

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke-14 dan universiti teknikal yang pertama di Malaysia. Di awal penubuhannya UTeM dikenali sebagai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM). Pada 1 Februari 2007 penstrukturan semula telah dijalankan dan nama KUTKM ditukarkan kepada UTeM.

Pada awal penubuhannya, UTeM beroperasi di lot-lot rumah kedai Taman Tasik Utama Ayer Keroh, Melaka. UTeM menerima pelajar perintis pada tahun 2001 dengan kemasukan seramai 348 orang pelajar.

Majlis pecah tanah Kampus Induk telah dilakukan pada 25 Januari 2002 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Kampus Induk UTeM ini terletak di kawasan tanah seluas 726.77 ekar

dalam Mukim Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka. Bermula detik itu, pembangunan kampus dimulakan dengan mengambil kira pelbagai aspek bagi menyediakan sebuah kampus yang kondusif untuk pendidikan yang berasaskan teknikal. Kampus Induk telah mula diduduki pada 3 Mei 2005 dengan siapnya pembinaan Fakulti Kejuruteraan Elektrik di situ.

Pada masa yang sama, operasi UTeM telah berpindah dari lot-lot rumah kedai Taman Tasik Utama ke Kampus Industri Ayer Keroh yang terletak di Bangunan CUBIC Electronics, Ayer Keroh, Melaka pada tahun 2006 sementara menanti Kampus Induk siap untuk diduduki.

Tahun 2008 menjadi tahun yang bersejarah bagi seluruh warga UTeM dengan siapnya pembinaan Kampus Induk UTeM.



Konsep Pembangunan Kampus

Konsep pembinaan Kampus Induk UTeM berteraskan 'The Hand' ataupun tangan. Ia melambangkan bahawa institusi ini adalah faktor pemangkin dalam pembangunan kawasan sekitar. Tangan juga signifikan kepada peranan UTeM yang mengamalkan proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan aplikasi dan amalan (*hands-on*).


Pembangunan Kampus Induk UTeM dibahagikan kepada enam segmen utama yang selaras dengan yang dapat ditafsirkan sebagai lima jari dan tapak tangan.

Tapak Tangan (Utama)

Menempatkan bangunan pentadbiran, masjid, pusat komersial, perpustakaan, klinik, Bangunan Persatuan Pelajar dan Pusat Komputer.

Jari Jemari (Satelit)

Menempatkan bangunan fakulti, penempatan pelajar, pusat penyelidikan serta bangunan perkhidmatan dan sokongan.



Bidang Teras

UTeM telah menetapkan Teknologi Pembuatan Termaju (*Advanced Manufacturing Technologies - AMT*) sebagai bidang tujahan (*niche area*) universiti. AMT ialah automasi iaitu teknologi berasaskan pengkomputeran dalam penghasilan tenaga manusia, mesin dan peralatan untuk merancang dan mengawal proses pengeluaran termasuk perolehan bahan mentah, bahagian dan komponen serta penghantaran dan perkhidmatan produk yang sempurna.

Di bawah tema ini terdapat empat teras atau bidang tumpuan yang digariskan bagi memberi fokus yang lebih spesifik dalam merealisasikan AMT ini. Empat teras

utama yang digariskan ialah *Green Technology*, *Human Technology Interaction*, *Systems Engineering* dan *Emerging Technologies*.

Setiap fakulti dan pusat akademik UTeM akan meluaskan skop terhadap empat bidang tumpuan tersebut mengikut bidang masing-masing dan akan dijadikan teras dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan pembangunan, penulisan dan penerbitan, pengkomersilan, pengantarabangsa serta aktiviti bercorak kemasyarakatan.



Laporan Majlis Canselor



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana telah mengizinkan penerbitan Laporan Tahunan 2011 yang bakal menjadi rujukan dan panduan untuk terus merencanakan agenda pembangunan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Tahun 2011 telah melabuhkan tirainya dan menjelmakan sumbangan bakhti, pencapaian kejayaan dan pembangunan yang cemerlang.

Bertemakan “Transformasi Berfokuskan Strategi Mencipta Keunggulan Universiti Teknikal” merupakan hasrat pada tahun ini untuk mendorong semua staf dan pelajar bagi meneruskan perubahan dengan melakukan transformasi

menggunakan strategi yang jelas serta fokus yang tertentu. Usaha ini merupakan satu lagi anjakan yang bertujuan mencipta keunggulan Universiti Teknikal di peringkat antarabangsa seperti yang dihasratkan di dalam visi UTeM.

Di kesempatan ini saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada T.Y.T Tun Canselor, Pro Canselor, Lembaga Pengarah Universiti dan warga UTeM di atas sokongan dan usaha sama dalam melonjakkan UTeM sebagai sebuah Universiti Teknikal yang terunggul dan teratas di Malaysia.



Pencapaian dan Pengiktirafan

Secara keseluruhannya, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UTeM menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Daripada 68 KPI yang disasarkan, sebanyak 39 KPI berada pada status mencapai dan melebihi 100% sasaran, 19 KPI menghampiri sasaran manakala 6 KPI berada di bawah paras setengah dari sasaran yang ditetapkan. Kesemua CAP bergerak di atas landasan yang ditetapkan oleh Pejabat Pengurusan Program (PMO), Kementerian Pengajian Tinggi.

Penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan pada tahun 2011 adalah selari dengan aspirasi Y.B. Menteri Pengajian Tinggi serta agenda kerajaan dalam mengarusperdanakan laluan TVET di peringkat pengajian yang lebih tinggi. Justeru Universiti Teknikal berperanan menjana graduan berkemahiran tinggi bagi menampung permintaan tenaga kerja profesional menjelang tahun 2015. Pelaksanaan ini direalisasikan menerusi penawaran 10 program pengajian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan. Kemasukan pelajar

baru bagi sesi pengajian bulan September 2011 adalah seramai 409 orang pelajar perintis.

Tahun 2011 juga mencatatkan kejayaan gemilang bagi Laman Web UTeM kerana telah diiktiraf pada kedudukan lima bintang dan meletakkan Laman Web UTeM di tangga pertama kategori Universiti. Malaysia Development Corporation (MDeC) telah melaksanakan penilaian terhadap 1,155 laman web dan portal agensi kerajaan seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut UTeM telah menduduki tempat pertama dalam kalangan 20 Universiti Malaysia manakala bagi kategori portal pula UTeM berkongsi tangga ke sembilan daripada 387 portal yang dinilai.

Pada akhir Disember 2011, enrolmen pelajar yang mengikut pengajian pada sesi 2011/2012 ialah seramai 8,961 orang pelajar. Pecahan mengikut peringkat pengajian, Ijazah (7,060), Diploma (1,277) dan Pasca siswazah (624) pelajar.

Majlis Konvokesyen ke-7 telah diadakan pada 22 & 23 Oktober 2011 bertempat di Dewan Besar UTeM. Seramai 1,502 orang graduan menerima Ijazah dan Diploma masing-masing daripada Yang Dipertua Negeri Melaka

Tun Mohd Khalil Yaakob selaku Canselor UTeM. Daripada jumlah tersebut, 3 orang menerima Doktor Falsafah, 100 orang menerima Sarjana, 1,141 orang menerima Sarjana Muda dan 258 orang menerima Diploma.



Penyelidikan dan Inovasi

Universiti menekankan Teknologi Pembuatan Termaju atau Advanced Manufacturing Technology sebagai bidang tujahan Universiti. Bidang tujahan ini pula dibahagikan kepada empat bidang fokus yang iaitu Teknologi Hijau (Green Technology), Teknologi Mendatang (Emerging Technology), Sistem Kejuruteraan (System Engineering) dan Interaksi Manusia-Teknologi (Human-Technology Interaction).

Keseluruhan peruntukan geran penyelidikan yang diperolehi bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM 8,341,776.00. Daripada jumlah ini, RM 3,320,151.00 adalah merupakan dana dalaman Universiti yang diagihkan kepada 185 projek penyelidikan jangka pendek (PJP) manakala sebanyak RM 5,021,625.00 adalah dana penyelidikan daripada luar untuk 19 projek penyelidikan.

Tahun 2011 merupakan tahun cemerlang bagi penyelidik UTeM yang telah memenangi anugerah sebanyak 79 pingat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebanyak 11 pingat diperolehi bagi Anugerah Khas, 14 emas, 27 perak dan 27 gangsa. Pengiktirafan ini membuktikan hasil penyelidikan UTeM bermutu dan berkualiti. Teknologi dan inovasi yang digarap mampu melahirkan produk yang memacu perkembangan ekonomi negara.

Usaha pengkomersilan produk penyelidikan Universiti telah menampakkan hasilnya menerusi dua jalinan kerjasama dengan pihak industri. Bermula dengan produk "Pro-S", produk penjimatan minyak kenderaan yang dibangunkan secara bersama di antara Fakulti Kejuruteraan Elektrik dengan Syarikat AMR Intellysis yang telah mendapat suntikan modal sebanyak RM 500,000.00 daripada Syarikat Craddle Fund Sdn. Bhd. Manakala produk "Single Display Traffic Light" yang dibangunkan oleh penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer telah menarik minat syarikat Industronic Bhd untuk melabur di dalam pembangunan produk.

Sejumlah RM 139,653.00 telah dibelanjakan sepanjang tahun 2011 untuk tujuan pemfailan perlindungan harta intelek. Terdapat 12 produk yang dihasilkan serta mempunyai nilai komersil di sepanjang tahun 2011 telah diuruskan Perlindungan Harta Intelek (paten, copyright dan trademark) dengan kos perlindungan sekitar RM 10,000.00 per produk.

Sistem e-print adalah sistem repositori universiti yang akan menyimpan semua khazanah penerbitan UTeM iaitu prosiding / jurnal / buku / bab buku / makalah / modul serta lain-lain lagi dan akan digunakan oleh semua penyelidik UTeM. Pada tahun 2011, jumlah data yang telah diambil daripada sistem ini adalah sebanyak 627 penerbitan.



Industri-Akademia

Program Graduate Employability Enhancement and Added-Value Training (GREAT) dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpkerjaan dan kebolehpasaran graduan UTeM serta memberikan nilai tambah kepada program pengajian sedia ada di UTeM. Program yang telah diadakan pada tahun 2011 lebih kepada berbentuk Program Degree++ (Pensijilan Profesional) melalui dana Kementerian Pengajian Tinggi yang diberi nama Tabung 1 Juta 1 IPTA dengan jumlah dana RM626,725.27. Selain itu sebanyak sembilan (9) buah program pensijilan profesional dengan penglibatan seramai 620 orang pelajar telah dilaksanakan. Syarikat perunding yang terlibat adalah seperti Institute of Marketing Malaysia (IMM), Significant Technologies Sd. Bhd, DreamEDGE Sdn. Bhd, MRJ Technologies Sdn. Bhd dan lain-lain.

Manakala kelulusan bagi GREAT 2 untuk program 'soft-skill' dan Pensijilan Profesional Teknikal telah diperolehi melalui dana KPT berjumlah RM2.029 juta.

Pada tahun 2011, sebanyak 1391 penempatan pelajar telah diusahakan untuk latihan industri merangkumi 319 pelajar Diploma dan 1027 pelajar Sarjana Muda. Selain itu 4 projek Pemindahan Ilmu dengan Industronics Bhd telah berjaya dilaksanakan menerusi geran KTP sejumlah RM165,300.00.

CEO Roundtable merupakan salah satu program yang berfungsi sebagai platform yang memberikan input kepada UTeM dalam perkara yang melibatkan perhubungan kerjasama dan keperluan dengan pihak industri dan juga komuniti. Tokoh-tokoh industri dan komuniti dijemput bagi mendapatkan input dan maklum balas serta berkongsi pengalaman mengenai pelbagai aspek yang boleh membantu di dalam pembangunan Universiti. Program yang diadakan pada 1 November 2011 telah menghimpunkan seramai 11 orang pemimpin industri di peringkat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu daripada Silterra Malaysia Sdn Bhd, Industronics Bhd, Green Packet Bhd, IC Microsystems Sdn Bhd, Pembangunan Buku Hijau Holdings Sdn Bhd, Organic Gains Sdn Bhd, City University College of Science & Technology serta kehadiran NGO seperti MERCY Malaysia dan Youth Trust Foundation.

Antara langkah lain yang telah dilaksanakan UTeM bagi memperkukuhkan hubungan industri adalah dengan mengadakan 30 program Executive Talk dari Pakar Industri. Syarahan Keusahawanan Pertama oleh 7 Usahawan Tempatan seperti CEO Red Tone International Bhd. , CEO Skali, CEO Les Copaque dan lain-lain untuk menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar UTeM.

Pengantarabangsaan



Elemen pengantarabangsaan merupakan salah satu agenda utama Universiti dan ini adalah selari dengan teras kelima dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, iaitu "Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa". Sepanjang tahun 2011, Universiti telah menerima sebanyak 27 lawatan dari luar negara. Antaranya delegasi dari Amerika Syarikat, India, Indonesia, Australia, China, Jerman, Sudan, Egypt, Perancis, Rusia dan Filipina. Bilangan pelajar antarabangsa di UTeM sehingga 2011 adalah seramai 271 orang yang melibatkan 25 negara.

Bagi meningkatkan capaian maklumat pembelajaran pengajian tinggi kepada pelajar dengan pendedahan persekitaran berbeza maka UTeM melaksanakan program mobiliti pelajar. Pada tahun 2011, UTeM telah melaksanakan Program Mobiliti Pelajar Berkredit dengan Universiti-universiti dari luar negara, terutamanya dengan rakan strategik UTeM melalui MoU yang telah ditandatangani, di samping program mobiliti yang tidak melibatkan pemindahan kredit. Seramai 16 orang pelajar yang terlibat dalam aktiviti Inbound Mobility yang datang dari negara Indonesia, Jerman dan Perancis. Manakala seramai 108 orang pelajar UTeM yang terlibat dengan aktiviti Outbound Mobility di negara-negara seperti Indonesia, China, Thailand, Turki, Korea Selatan dan Jerman.

UTeM telah menandatangani sebanyak dua MoU dan sebelas MoA dengan syarikat dan industri sepanjang tahun 2011. Antaranya seperti Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd, Telekom Malaysia Berhad, National Semiconductor Sdn. Bhd, Rubber Leisure Products Sdn. Bhd, Composite Technology Research Malaysia dan beberapa syarikat lagi.

Pada 19 Januari 2011, UTeM dengan kerjasama Kedutaan Jerman telah menganjurkan program German Day 2011.

Sebanyak sepuluh buah syarikat dan agensi yang berasal daripada Jerman telah menghadiri program tersebut di antaranya German Academic Exchange Service (DAAD), Siemens Malaysia Sdn Bhd, SGL Carbon Sdn. Bhd, Rohde & Schwarz Malaysia Sdn Bhd, Muehlbauer Technologies Sdn. Bhd, Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd, KUKA Robot Automation (M) Sdn. Bhd, T-Systems Malaysia Sdn. Bhd, Volkswagen Group Malaysia Sdn. Bhd dan Q-CELLS Malaysia Sdn. Bhd.

Pembangunan Kampus

Pembangunan Kampus Induk UTeM dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) dan kesinambungannya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) mengguna pakai perbelanjaan pembangunan (Development Expenditure) dan Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Finance Initiative) di samping pelaksanaan secara in-house mengguna pakai peruntukan Perbelanjaan Operasi (Operational Expenditure).

UTeM telah diperakukan oleh KPT untuk pembinaan asrama yang menempatkan seramai 1,018 pelajar secara Inisiatif

Pembiayaan Swasta dengan kos pembinaan berjumlah RM30.0 juta. Projek pembinaan telah bermula pada 22 Ogos 2011 dan dijangka siap sepenuhnya serta sedia diguna pakai menjelang 21 Ogos 2012 untuk penempatan pertama bagi kemasukan pelajar pada 2 September 2012. Komponen kemudahan yang akan disediakan adalah seperti blok asrama, arked pelajar yang boleh menampung kapasiti 500 pelajar, dewan serbaguna, kediaman Pengetua felo dan Felo, gelanggang termasuklah padang permainan bola sepak dan futsal.

Gedung Ilmu

Perpustakaan UTeM telah menerima Persijilan MS ISO 9001:2008 dari QAS SIRIM International Sdn. Bhd. pada 12 Ogos 2011 ekoran kejayaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati ISO 9001:2008. Jumlah buku dalam koleksi meningkat dan sehingga akhir tahun 2011 berjumlah 55,733 judul (58,008 naskhah). Jumlah pangkalan data yang dilanggan dan boleh diakses

melalui portal Perpustakaan ialah 35 pangkalan data dengan 121,129 judul. Tujuh pangkalan data baru boleh diakses secara percuma. Daripada jumlah pangkalan data yang dilanggan pada tahun 2011, sebanyak 10 adalah pangkalan data 'e-Jurnal' (46,240 judul) dan lima pangkalan data 'e-Buku' (74,889 judul).

Perkhidmatan ICT

Pusat Komputer telah diberi mandat dalam penyediaan perkhidmatan ICT secara menyeluruh melibatkan pembangunan, pelaksanaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan infostruktur ICT dengan memastikan penggunaan ICT dalam kalangan staf dan pelajar di tahap maksimum dan berkualiti tinggi.

Peningkatan keselamatan ICT melalui Network Admission Control (NAC) dapat meningkatkan lagi keberkesanan sistem rangkaian yang selamat. Projek penaiktarafan storan Storage Area Network (SAN) membolehkan lebih banyak bahan-bahan dalam talian dipertingkatkan.

Manakala peningkatan infostruktur dengan pemasangan door access telah meningkatkan tahap keselamatan di tempat kerja dan dijadikan sebagai sistem punch card, pelaksanaan sistem OBE di peringkat tenaga pengajar telah meningkatkan lagi kaedah penilaian terhadap pelajar.

Di samping itu juga, bagi meningkatkan keberkesanan Penyelidikan & Inovasi, sistem URIS telah ditambah baik dengan modul Short Term Grant Management yang membantu penyelidik memudahkan kemasukan data pengurusan penyelidikan.

Pembangunan Pelajar

Dalam era globalisasi, cabaran utama bagi pengajian tinggi adalah untuk menjana pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam akademik malah berdaya saing dalam pasaran global. Tahun 2011 mencatat sejarah tersendiri apabila 3 orang pelajar dan 2 orang staf HEPA berjaya menawan gunung tertinggi di Asia Tenggara, Gunung Kinabalu dalam program Ekspedisi Jejak Kinabalu 2011 mulai 19 hingga 22 Jun 2011.

Karnival Sukan MASUM 2011 disertai dengan jayanya di mana UTeM berjaya meraih empat Pingat Emas, empat Pingat Perak dan tiga Pingat Gangsa. Buat julung kalinya penyertaan dalam Kejohanan Sukan Air MASUM 2011,

Pasukan UTeM memberi saingan hebat dengan layak ke peringkat akhir Kayak TK2 dalam kategori Wanita.

Penglibatan pelajar di pertandingan-pertandingan seperti Perodua Eco-Challenge, Pertandingan Imagine Cup, ROBOCON, Shell Race, Formula Varsity dan Business Plan Competition dijangka mampu untuk meningkatkan kemahiran insaniah yang amat penting di dalam dunia pekerjaan. Penglibatan pelajar dalam Perodua Eco-Challenge 2011 misalnya di mana pelajar UTeM sebagai pasukan jemputan telah menduduki tempat ke-3 dalam kategori reka bentuk jentera. Dalam Pertandingan Imagine Cup 2011 Peringkat Kebangsaan, pelajar UTeM telah terpilih di kedudukan 30 pasukan terbaik.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan UTeM bagi tahun 2011 adalah berpandukan kepada perancangan strategik Universiti yang terpandu melalui Balanced Scorecard.

Pihak Kementerian telah menetapkan supaya semua IPTA dapat berusaha ke arah self funding dan kurang bergantung kepada geran Kerajaan. Strategi UTeM adalah

melibatkan pengurusan sumber yang cekap, peningkatan penjaan pendapatan dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Beberapa inisiatif telah dimulakan dan Pejabat Bendahari terlibat dalam perancangan dan objektif yang ditetapkan terutama berkaitan program penjimatan dan penjaan pendapatan.

Kesimpulan

Untuk tahun 2011, kita mengharapkan transformasi yang memungkinkan pembinaan sebuah Universiti teknikal yang mempunyai persekitaran yang kondusif dan mesra dalam memartabatkan keilmuan, memperlihatkan semua warganya mementingkan silaturahim, kesejahteraan dan keseimbangan antara dunia dan akhirat.

Hasrat ini mendapat respons dan keterlibatan semua pihak sebagai agen perubahan untuk melakukan transformasi. Kata kunci yang diajak untuk seluruh warga UTeM sama-sama berpegang adalah "berfokus". Keberkesanan dan kecemerlangan akan lebih tercapai bila tindakan dilaksanakan dengan berfokuskan strategi. Di samping itu, inisiatif inovasi dan kreativiti harus diutamakan dalam

supaya relevan, menyumbang serta memberikan impak yang ketara kepada negara dan dunia.

Justeru itu, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih. Semoga laporan tahunan ini menjadi rujukan dan panduan dalam memantapkan lagi gerak kerja berfokus untuk terus mendepani arus terkini Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Sekian,

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan
Naib Canselor

Pencapaian Dan Pengiktirafan



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Portal UTeM Diiktiraf 5 Bintang

Tahun 2011 mencatatkan kejayaan gemilang bagi Portal UTeM kerana telah diiktiraf pada kedudukan lima bintang dan meletakkan Portal UTeM di tangga pertama kategori Universiti.

Pengukuran ini bersandarkan kepada laporan penilaian yang dinilai oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) dalam laporan Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Malaysia bagi tahun 2011.

MDeC telah melaksanakan penilaian terhadap 1,155 laman web dan portal agensi kerajaan seluruh Malaysia dengan memfokuskan elemen seperti kandungan, kebolegunaan, keselamatan, penyertaan dan perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut UTeM telah menduduki tempat pertama dalam kalangan 20 universiti Malaysia manakala bagi kategori portal pula UTeM berkongsi tangga ke sembilan daripada 387 portal yang dinilai.



Penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

UTeM merupakan universiti teknikal pertama dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) serta Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menubuh dan melaksanakan operasi Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Pelaksanaan ini terus direalisasikan dengan penawaran serentak 10 program pengajian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan berteraskan kepada empat bidang kejuruteraan utama iaitu kejuruteraan elektronik dan

kejuruteraan komputer, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal dan kejuruteraan pembuatan.

Kemasukan pelajar baru telah dijalankan bagi sesi pengajian pada bulan September 2011 yang mencatatkan pengambilan seramai 409 orang pelajar sekaligus mencatat sejarah sebagai pelajar perintis yang akan bersama mencapai aspirasi negara.



Penganjuran SUKUM Ke-36

Penganjuran kejohanan sukan merupakan antara agenda utama dalam usaha menyemarakkan lagi peningkatan mutu sukan negara dan ianya turut menjadi landasan dalam mengeratkan lagi jalinan kerjasama dan keserakanan dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

Tahun 2011 mencatat sejarah baru buat UTeM apabila telah diberi mandat selaku penganjur bagi Kejohanan Sukan Staf Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) ke-36.

Kejohanan SUKUM ke-36 ini berlangsung selama 10 hari bermula pada 7 hingga 17 Julai 2011 mempamerkan aksi bagi 20 acara yang dipertandingkan dan 13 rekod baru kejohanan olahraga berjaya dicatatkan.



Penyelidikan Dan Inovasi

Pada tahun 2011 UTeM telah memperolehi dana menerusi 204 projek penyelidikan yang bernilai RM 8,341,776.00, yang jauh lebih baik berbanding tahun 2010 sebanyak RM 5,534,912.00.

Penyelidik UTeM turut mempamerkan kejayaan memberangsangkan pada tahun 2011 ini apabila telah berjaya meraih 14 pingat emas, 27 pingat perak dan 27 pingat gangsa di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

Daripada 204 geran penyelidikan ini empat geran diperolehi daripada agensi luar di samping memperolehi geran penyelidikan baru iaitu dua geran bagi Exploratory Research Grant Scheme, dua geran melalui Long Term Research Grant Scheme, satu geran melalui Prototype Research Grant Scheme serta peningkatan dua geran Science Fund bagi tahun 2011 dari MOSTI.

Kejayaan di peringkat antarabangsa ini menerusi Geneva 2011, ITEX, British Innovation Show, Seoul International Invention Fair dan International Invention Fair In The Middle East. Manakala di peringkat kebangsaan pula Penyelidik UTeM turut menyerlah di Malaysia Technology Expo, Malaysia University Conference of Engineering Technology dan PECEPTA.



Kualiti Dan Akreditasi

Sehingga tahun 2011 UTeM telah menawarkan sebanyak 18 program kejuruteraan. 17 program kejuruteraan yang ditawarkan UTeM telah melalui proses akreditasi daripada pihak Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) sementara satu program kejuruteraan belum melalui proses akreditasi oleh kerana masih berada pada tahun satu.

Manakala kelima-lima program diploma (empat program Diploma Kejuruteraan dan satu program Diploma Teknologi Maklumat dan Komunikasi) yang ditawarkan universiti ini telah memperoleh pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA).

Semua program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kepujian (5 program) UTeM telah memperoleh pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). Tiga program baru yang ditawarkan pada tahun 2009 iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan

Dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Inovasi Teknologi) Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pemasaran Teknologi Tinggi) Dengan Kepujian akan dinilai pada pertengahan tahun 2013 oleh panel dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Pada penghujung tahun 2011, Universiti telah melengkapkan penyediaan dokumen akreditasi mengikut garis panduan *Code of Practice For Programme Accreditation* (COPPA). Ini bagi memastikan kesemua program diploma dan teknologi maklumat dan komunikasi UTeM yang telah mendapat pengiktirafan daripada JPA juga mendapat akreditasi dari MQA.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2011 sebanyak 27 program telah mendapat akreditasi dan pengiktirafan dari badan-badan penilai yang diiktiraf oleh Kerajaan.



Kualiti

Dan Akreditasi



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Projek Agenda Kritikal (CAP) UTeM

Di peringkat Fasa 2 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) UTeM telah terlibat secara langsung untuk mencapai 13 Projek Agenda Kritikal (CAP) yang merangkumi :

- Akademia
- e-Pembelajaran
- Keusahawanan
- Kebolehpasaran Siswazah
- Pembangunan Holistik Pelajar

- Industri-Akademia
- Pengantarabangsaan
- Kepemimpinan
- Pembelajaran dan Pengajaran
- Pembelajaran Sepanjang Hayat
- MyBrain15
- Penyelidikan dan Pembangunan
- Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan/Pengurusan (PPSP)/TBS

Senarai Projek Agenda Kritikal (CAP) UTeM

Untuk melancarkan pelaksanaan PSPTN ini, UTeM telah melantik Ketua dan Sekretariat mengikut CAP masing-masing.


BIL	PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAP)	PENGURUS PROJEK/KETUA CAP	SEKRETARIAT CAP
		NAMA	NAMA
1	Akademia	Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain	En. Khairul Razik bin Mohamad Isa
2	e-Pembelajaran	Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibudin	Pn. Ummi Raba'ah binti Hashim
3	Keusahawanan	P.M Dr. Md. Nor Hayati bin Tahir	Pn. Noorazilah binti Mohamed
4	Kebolehpasaran Siswazah	Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman	Pn. Noomahar binti Hj Akashah
5	Pembangunan Holistik Pelajar	Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman	Pn. Noomahar binti Hj Akashah
6	Industri-Akademia	Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi	P.M Dr. Chong Kuan Eng
7	Pengantarabangsaan	Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain	En. Khairul Razik bin Mohamad Isa
8	Kepemimpinan	En. Hasan bin Sirun	En. Masdzarif bin Mahat
9	Pembelajaran dan Pengajaran	P.M Dr. Zulkiflie bin Ibrahim	En. Abd. Aziz bin Hj. Mustafa
10	Pembelajaran Sepanjang Hayat	P.M Dr. Izaidin bin Abdul Majid	En. Mohd Farid bin Mohd Khalid
11	MyBrain15	Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad	En. Zulfatria bin Abdulah
12	Penyelidikan dan Pembangunan	Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi	PM Dr. Chong Kuan Eng
13	PPSP/TBS	P.M Dr. Md. Nor Hayati bin Tahir	Pn. Noorazilah binti Mohamed

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAP) UTeM

Pada tahun 2011, sebanyak 68 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berdasarkan 13 Projek Agenda Kritikal (CAP) UTeM. Tujuan KPI digunakan terhadap semua CAP yang terlibat supaya setiap aktiviti, perancangan dan pencapaian

dapat diukur dan seiring dengan objektif dan hasrat pelaksanaan Fasa 2 PSPTN. Carta 1 menunjukkan bilangan KPI berdasarkan 13 CAP di UTeM.

Bilangan KPI Berdasarkan 13 CAP



Projek Agenda Kritikal (CAP)

Pencapaian UTeM Berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAP)

Akademia

CAP Akademia UTeM menunjukkan prestasi yang begitu memberangsangkan menerusi KPI bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di

peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah melebihi dari sasaran yang ditetapkan pada tahun 2011 iaitu peningkatan sebanyak 57%.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.		Bilangan ahli akademik yang dilantik secara berganda (double/dual appointment)	10	14
2.	Memantapkan Ekosistem Akademik	Bilangan majlis ilmu bertaraf kebangsaan dan antarabangsa berasaskan bidang ilmu	5	5
3.		Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	33	76
4.	Memperkuh Ahli Akademik Berteraskan Wibawa, Integriti dan Profesionalisma (WIP)	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	31	61
5.	Mengekalkan akademik berkualiti	Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung/Profesor Pelawat	3	2
6.		Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/antarabangsa	48	41
7.		Bilangan jemputan yang diterima oleh ahli akademik untuk membentangkan kertas dasar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	3	4



E-Learning

Pada tahun 2011, UTeM telah mencapai 100% capaian ke rangkaian jalur lebar bagi mengukuhkan strategi e-learning dalam proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.	Melahirkan siswazah dan lepasan IPT yang menceburi bidang keusahawanan perniagaan.	Bilangan pelajar yang menghadiri latihan dalam e-learning	0	4757
2.	Mengukuhkan strategi e-pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran	'Bandwith' jalur lebar IPTA (MB)	1	1
3.		Bilangan kurikulum kursus IPTA dalam Mod Blended Learning	200	300
4.		Bilangan kursus e-kandungan yang dibangunkan	8	8
5.		Bilangan staf akademik yang menghadiri latihan dalam e-Pembelajaran	186	74
6.		Bilangan staf bukan akademik yang menghadiri latihan dalam e-Pembelajaran	0	0
7.		IPTA memberi insentif/pengiktirafan kepada staf yang terlibat dalam e-Pembelajaran. (Ya (1), Tidak (0))	1	1
8.		IPTA mempunyai nisbah peralatan ICT kepada pelajar 1:5 atau kurang. (Ya (1), Tidak (0))	1	1
9.		IPTA mempunyai pelan tindakan untuk mengintegrasikan e-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran. (Ya (1), Tidak (0))	1	1
10.		IPTA mempunyai struktur tetap pelaksanaan e-Pembelajaran. (Ya (1), Tidak (0))	1	1
11.		IPTA menubuhkan Unit Helpdesk/Khidmat Sokongan pelaksanaan e-Pembelajaran (Ya (1), Tidak (0))	1	1
12.		IPTA menyediakan pelantar e-Pembelajaran 2.0 (Ya (1), Tidak (0))	1	1
13.		Peratus capaian ke rangkaian jalur lebar di IPTA	100	100

KUALITI DAN AKREDITASI

Keusahawanan

UTeM menyahut seruan ke arah memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai dunia keusahawanan menerusi aktiviti-aktiviti serta program-program yang telah dirancang. Pada

tahun 2011, seramai 600 pelajar di UTeM mendapat pendedahan atau pembudayaan keusahawanan yang berstruktur iaitu melebihi dari sasaran yang ditetapkan.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.	Melahirkan siswazah dan lepasan IPT yang menceburi bidang keusahawanan	Bilangan pelajar menjalankan perniagaan semasa pengajian	80	30
2.	Meningkatkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan.	Bilangan siswazah / lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas bergraduasi	14	5
3.	Meningkatkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan.	Bilangan tenaga pengajar/ pembimbing dalaman yang mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan	20	0
4.		Bilangan tenaga pengajar/pembimbing luaran yang mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan	1	2
5.	Menyediakan ekosistem yang kondusif merangkumi suasana, infrastruktur dan sistem sokongan pendidikan keusahawanan yang holistik.	Bilangan pelajar yang mendapat pendedahan/pembudayaan keusahawanan yang berstruktur	300	600
6.		Jumlah kredit kursus keusahawanan yang ditawarkan kepada pelajar	63	63
7.		Jumlah peruntukan universiti yang dikhususkan untuk aktiviti-aktiviti pembangunan keusahawanan	300000	180000

Kebolehpasaran Graduan

Berdasarkan kepada Kajian Pengesanan Graduan yang telah dilaksanakan mendapati 68 peratus daripada pelajar UTeM yang bergraduasi pada

tahun 2011 telah mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.	Memastikan peratusan siswazah bekerja dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian bagi menyumbang kepada pembangunan negara	Peratus siswazah yang bekerja dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian	65	68.1

Pembangunan Holistik Pelajar

CAP Pembangunan Holistik Pelajar (HSD) memberi tumpuan kepada pembangunan sahsiah pelajar yang seimbang dari segi keterampilan, semangat patriotik, disiplin dan nilai murni. Pelaksanaan

diletakkan kepada konteks kokurikulum memandangkan ia mempunyai elemen ilmu praktikal dan ilmu falsafah yang menyokong kepada pembangunan pelajar secara menyeluruh.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.	Meningkat bilangan kursus kokurikulum yang dikreditkan terutamanya dalam Teras Kepimpinan, Daya Usaha & Inovasi dan Kesukarelawanan	Bilangan kursus kokurikulum yang dikreditkan dalam Teras Daya Usaha & Inovasi berdasarkan peraturan semasa	9	9

Industri-Akademia

UTeM telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan kerjasama serta hubungan dua hala antara universiti dan industri. Hasilnya, jumlah pendapatan yang diterima UTeM menerusi kerjasama ini telah melebihi

dari yang disasarkan iaitu sebanyak 16.4% dan antara penyumbang utama adalah dari pelaksanaan Program Pasca Graduan (PERSISIR) yang dilakukan dengan pihak industri.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.	Meningkatkan dan mengekalkan kolaborasi antara industri dan universiti	Jumlah pendapatan yang diterima/ bajet operasi (%)	12.8	16.4

KUALITI DAN AKREDITASI

Pengantarabangsaan

Universiti telah berjaya mencapai peningkatan sebanyak 50% pelajar antarabangsa pada tahun 2011 dengan pendaftaran seramai 304 orang pelajar

dan jumlah ini melebihi daripada sasaran asal sebanyak 200 orang pelajar.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.	Mempelbagaikan kepakaran tenaga akademik di IPTA untuk meningkatkan daya saing IPTA	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	24	29
2.	Memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar	Jumlah pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa	106	89
3.	Meningkatkan daya saing IPTA dari segi kualiti pengajaran dan penyelidikan	Jumlah 'inbound' staf akademik	13	6
4.	Meningkatkan kompetensi tenaga akademik IPTA di peringkat antarabangsa	Jumlah 'outbound' staf akademik	30	80
5.	Meningkatkan 'visibility' sektor pengajian tinggi Malaysia di luar negara	Jumlah pelajar antarabangsa yang ditaja oleh kerajaan /agensi luar negara	30	47
6.	Menjadikan Malaysia sebagai salah satu pilihan utama destinasi pendidikan bagi pelajar antarabangsa	Jumlah pelajar antarabangsa	163	304



Kepemimpinan

Kepimpinan merupakan agenda utama universiti dan bagi memperkasakan agenda ini maka UTeM telah melaksanakan penggredan mata Pembangunan Profesional Berterusan atau *Continuous Professional Development* (CPD). Program CPD ini melibatkan semua staf di UTeM

yang merangkumi penglibatan staf terhadap aktiviti pengembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap. Hasil dari pelaksanaan program ini, maka kesemua KPI CAP Kepimpinan dengan cemerlangnya telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.	Memperkasa kepemimpinan dan memperkukuh pelan penggantian IPT	Bilangan penyelidik utama di IPT - Selain Universiti Penyelidikan	202	338
2.		Bilangan pemimpin dalam pembelajaran dan pengajaran di IPT	38	57
3.		Bilangan staf akademik peringkat pengurusan & profesional di IPT yang telah melalui keperluan latihan kepemimpinan	349	420
4.		Bilangan staf bukan akademik di IPT yang telah melalui keperluan latihan kepemimpinan	120	58

Pengajaran Dan Pembelajaran

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara berkesan untuk memastikan kualiti pensyarah dan tenaga

pengajar di UTeM sentiasa dipertingkatkan maka universiti telah melaksanakan beberapa program yang berimpak selari dengan pencapaian matlamat ini.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.	Mempertingkatkan kualiti pensyarah dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran dan pengajaran	Bilangan penganjuran Seminar/Bengkel/ Forum berkaitan pembelajaran dan pengajaran dalam setahun	44	35
2.		Bilangan pensyarah yang mempunyai kebolehan menggunakan sekurang-kurangnya satu kaedah *SCL	250	273
3.		IPTA mengadakan penilaian pengajaran. Yes (1), No (0)	1	1
4.	Mempertingkatkan kualiti program akademik	Bilangan *program yang mendapat pengiktirafan *badan profesional antarabangsa	0	6
5.	Mempertingkatkan kualiti staf bukan akademik dalam pembelajaran dan pengajaran	Bilangan *staf bukan akademik menghadiri *latihan yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran sekurang-kurangnya 2 hari kursus	40	45

Pembelajaran Sepanjang Hayat

UTeM telah menawarkan pelbagai program yang berkaitan dengan Pembelajaran Sepanjang Hayat kepada orang ramai. Program ini mendapat sambutan menggalakkan apabila jumlah enrolmen

bagi program yang dianjurkan melebihi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2011 iaitu sebanyak 619 peserta yang mengikuti program ini.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.	Mempertingkatkan peluang dan akses kepada pembelajaran sepanjang hayat	Jumlah bilangan program PSH bersijil yang ditawarkan di IPTA berkenaan.	56	96
2.	mengikut keperluan dan kehendak komuniti	Jumlah enrolmen bagi program PSH di IPTA	32	619

MyBrain15

MyBrain15 bertujuan melahirkan bilangan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf yang secukupnya sebagai pemacu kepada inovasi yang akan memandu ekonomi negara yang berdaya saing.

UTeM berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2011 di KPI "Bilangan Pelajar PhD dan setaraf di IPTA" iaitu seramai 159 orang.

NO.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	PENCAPAIAN (TAHUN)	
			2010	2011
1.		Bilangan Pelajar PhD dan setaraf di IPTA	91	159
2.		Bilangan pelajar PhD warganegara yang digraduatkan oleh IPTA	2	3
3.	Mensasarkan Seramai 60,000 Pemegang PhD dan setaraf menjelang tahun 2023	Bilangan pelajar PhD yang bergraduati dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	3	2
4.		Bilangan Pensyarah Berkelayakan PhD dan setaraf	91	128
5.		Enrolmen pelajar sarjana dan setaraf di IPTA	538	624
6.		Peratus (%) pensyarah berkelayakan PhD dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah IPTA	15.34	19.91

Penyelidikan dan Pembangunan

ditandatangani, di samping program mobiliti yang tidak melibatkan pemindahan kredit. Seramai 16 orang pelajar yang terlibat dalam aktiviti *Inbound Mobility* yang datang dari negara Indonesia, Jerman dan Perancis. Manakala, seramai 108 orang pelajar UTeM yang terlibat dengan aktiviti *Outbound Mobility* di negara-negara seperti Indonesia, China, Thailand, Turki, Korea Selatan dan Jerman.

Jadual Mobiliti Pelajar Keluar

BIL	NEGARA	JUMLAH	OBJEKTIF / AKTIVITI
1.	Indonesia	11 orang	Menyertai Program Pertukaran Budaya ke Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS).
2.	China	10 orang	Lawatan pasca siswazah bagi program MBA untuk member pendedahan antarabangsa kepada para pelajar.
3.	Thailand	20 orang	Lawatan Muhibbah dan Ilmiah ke beberapa buah universiti .
4.	Turki	21 orang	Lawatan Ilmiah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM.
5.	Indonesia	27 orang	Menyertai Program Bakti Siswa Melaka – Riau.
6.	Korea Selatan	1 orang	Menyertai Pertandingan Penyelidik (di bawah seliaan penyelia) di Seoul International Invention Fair 2011 (SIIF 2011).
7.	Indonesia	16 orang	Terlibat di dalam Program Mobiliti Pelajar Berkredit di Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS)
8.	Jerman	2 orang	Terlibat di dalam program Mobiliti Pelajar Berkredit di Fachhochschule Hannover University of Applied Sciences and Arts.





Jadual Mobiliti Pelajar Masuk

BIL	NEGARA	JUMLAH	OBJEKTIF / AKTIVITI
1.	Perancis	Seorang	Program pertukaran pelajar di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTeM dengan Telecom Bretagne, Perancis.
2.	Indonesia	4 orang	Program Mobiliti Pelajar Berkredit di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTeM dengan Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS).
3.	Indonesia	9 orang	Program Mobiliti Pelajar Berkredit di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTeM dengan Universitas Internasional Batam (UIB).
4.	Jerman	2 orang	Program Mobiliti Pelajar Berkredit di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTeM dengan FHH Hannover.





Staf Antarabangsa



Universiti terus menggiatkan usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah dengan melantik pensyarah antarabangsa. Sehingga 31 Disember 2011, jumlah pensyarah

antarabangsa yang berkhidmat di UTeM sebagai pensyarah kontrak adalah seramai **28 orang**. Pecahan pensyarah antarabangsa mengikut kelayakan akademik dan negara adalah seperti berikut:

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


NEGARA	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH
Bangladesh	-	1
India	-	2
Indonesia	10	12
Iraq	-	1
Libya	-	1
Syria	-	1
Jumlah	10	18

Penyelidikan Dan Inovasi



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Budaya Penyelidikan UTeM

Universiti memberi keutamaan dalam aspek pencapaian dan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi. Usaha ini terus dilaksanakan secara berterusan dalam membantu

universiti secara khususnya ke arah pembudayaan penyelidikan dan inovasi terutamanya dalam kalangan para penyelidik termasuklah pelajar universiti.

Bidang Fokus Penyelidikan

Teknologi Pembuatan Termaju atau Advance Manufacturing Technology merupakan bidang tujahan utama universiti. Seterusnya bidang tujahan ini dibahagikan kepada empat bidang fokus yang dinamakan:

- Teknologi Hijau (Green Technology)
- Teknologi Mendatang (Emerging Technology)
- Sistem Kejuruteraan (Systems Engineering)
- Interaksi Manusia-Teknologi (Human-Technology Interaction)

Sistem Maklumat Penyelidikan UTeM (URIS)


URIS merupakan aplikasi sokongan yang memudahkan pengurusan aktiviti penyelidikan dan inovasi UTeM. URIS menjadi pangkalan data berpusat maklumat penyelidikan dan inovasi serta digunakan sebagai satu saluran pengumpulan maklumat status penyelidikan, permohonan dan pemantauan geran penyelidikan sejak tahun 2010 lagi. Permohonan dan penilaian empat pusingan geran PJP bagi tahun 2011 telah menggunakan aplikasi URIS dengan sepenuhnya.

Dalam tahun 2011 juga terdapat beberapa modul URIS yang telah ditambahbaik dan dibangunkan. Sebagai contoh, modul baru - permohonan menghadiri seminar secara on-line telah dibangunkan dan dijangka akan digunakan pada bulan March 2012 ini. Pada masa ini modul tersebut sedang menjalani ujian pengguna dan akan berakhir pada pertengahan bulan Februari 2012.

Pengurusan Dana Penyelidikan

Pada tahun 2011, UTeM telah memperolehi peruntukan keseluruhan geran penyelidikan sebanyak RM 8,341,776.00. Daripada jumlah ini sebanyak RM 3,320,151.00 adalah merupakan dana dalaman universiti yang diagihkan


kepada 185 projek penyelidikan jangka pendek (PJP). Ini bermakna sebanyak RM 5,021,625.00 adalah dana penyelidikan daripada luar untuk 19 projek penyelidikan.



Rajah 1: Peruntukan Geran Penyelidikan UTeM 2011 (Ikut Jenis Geran)

Secara lebih terperinci, Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) dilaksanakan secara 2 mod iaitu mod normal dan mod atas-ke-bawah. Daripada sejumlah 185 projek PJP, terdapat 17 projek dalam mod atas-ke-bawah (Top Down). Projek mod atas-ke-bawah adalah projek-projek


yang menjadi fokus Universiti dan merupakan usaha UTeM dalam menyahut seruan kerajaan bagi mengutamakan penyelidikan terhadap alam sekitar. Jumlah keseluruhan adalah RM707,551.00.



Rajah 2: Jumlah Keseluruhan geran PJP Top Down untuk 17 projek

Penambahan peruntukan dan jenis geran penyelidikan daripada KPT seperti LRGS, FRGS, ERGS dan PRGS telah dimanfaatkan oleh penyelidik UTeM. Terdapat pertambahan sebanyak 50.7% dalam keseluruhan

pemilikan geran penyelidikan. Rajah 3 memaparkan secara terperinci pemilikan geran-geran penyelidikan KPT tahun 2011.




Rajah 3 : Pemilikan geran penyelidikan luar


PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Kebanyakan geran penyelidikan luar UTeM adalah dibiayai oleh Dana Penyelidikan di bawah RMKe-10, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) berjumlah RM 521,400.00; Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) berjumlah RM 250,500.00; geran Skim Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) berjumlah RM 99,000.00 dan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) berjumlah RM 3,087,525.00. Daripada lapan geran FRGS yang diperolehi, dua daripadanya adalah untuk melaksanakan projek berkaitan tenaga dan pembangunan industri bekalan elektrik di bawah Pembiayaan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KetTHA).

GeranlainadalahGeranPenyelidikanAkademiKepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) berjumlah RM 445,000.00, geran Skim Geran Program Pemindahan Ilmu Fasa 1 (Knowledge Transfer Programme) – KTP bawah Kategori Industri berjumlah RM 165,300.00; geran penyelidikan kerjasama AKEPT bagi pelaksanaan Program Kepimpinan Pensyarah Muda (Zon Selantan) 2011 berjumlah RM 199,200.00 dan geran pelaksanaan Majlis Keusahawanan Pengajian Tinggi Nasional berjumlah RM 100,000.00. MOSTI turut meluluskan sebanyak dua geran melalui Science Fund berjumlah RM153,700.00. Rajah 4 - Rajah 7 memaparkan jumlah agihan geran mengikut fakulti.




Rajah 4: Jumlah Bilangan Geran Penyelidikan UTeM 2011 (Ikut Fakulti)




Rajah 5: Jumlah Bilangan Geran Penyelidikan UTeM 2011 (Ikut Fakulti)

JUMLAH PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN UTeM 2011 (RM)



Rajah 6: Jumlah Peruntukan Geran Penyelidikan UTeM 2011 (Ikut Fakulti)

JUMLAH PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN UTeM 2011 (RM)




Rajah 7: Jumlah Peruntukan Geran Penyelidikan UTeM 2011 (Ikut Fakulti)

Pengkomersilan Produk Penyelidikan

Pengkomersilan produk penyelidikan merupakan agenda negara dan merupakan salah satu keberhasilan utama di dalam mencapai taraf negara maju menjelang 2020. Usaha pengkomersilan produk penyelidikan UTeM telah mula mendapat perhatian daripada kalangan pemain industri tempatan. Produk tersebut iaitu "Pro-S", produk penjimatan minyak kenderaan yang dibangunkan secara bersama di antara Fakulti Kejuruteraan Elektrik dengan Syarikat AMR Intellysis yang telah mendapat suntikan modal

sebanyak RM 500 ribu daripada Syarikat Craddle Fund Sdn. Bhd. dan "Single display Traffic Light" yang dibangunkan oleh penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer telah menarik minat syarikat Industronic Bhd untuk melabur di dalam pembangunan produk. Dua jalinan kerjasama ini memberikan petanda positif terhadap penerimaan dan kepercayaan pihak industri terhadap usaha penyelidikan dan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik UTeM.




Rajah 8: Perbandingan Mengikut Tahun Perlindungan Harta Intelek Produk penyelidikan

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Pengurusan Inovasi UTeM telah menguruskan Perlindungan Harta Intelek (paten, copyright dan trademark) kepada 12 produk yang telah dihasilkan sepanjang tahun 2011 seperti dipaparan Rajah 8. Kos perlindungan adalah sekitar RM 10,000.00 per

produk. Pendekatan strategik dan selektif dibuat dalam memilih produk-produk yang bernilai komersil. Sejumlah RM 139,653.00 telah dibelanjakan sepanjang tahun 2011 untuk tujuan pemfailan perlindungan harta intelek.




Jumlah pemfailan perlindungan Harta Intelek bagi Tahun 2011 mengikut Fakulti.

Jumlah Pembentangan Kertas Kerja di Bawah Program Kecemerlangan Penyelidikan oleh Fakulti

Sepanjang tahun 2011 CRIM telah menerima sebanyak 389 permohonan daripada pensyarah dan penyelidik di bawah program ini. Daripada jumlah itu sebanyak

361 permohonan telah diluluskan. Peratusan pecahan permohonan yang diluluskan daripada permohonan yang diterima adalah sebanyak 93%.



Pecahan Permohonan mulai Januari 2011 sehingga 31 Disember 2011

Menghadiri persidangan dalam negara menyumbang kepada peratusan yang tinggi, namun bilangan penyelidik yang membentangkan kertas kerja di persidangan luar

negara menunjukkan peningkatan bilangan. Jadual 1 menunjukkan kelulusan mengikut jenis permohonan

JENIS PERMOHONAN	FAKULTI / PUSAT								JUMLAH
	FKE	FKM	FKP	FKEKK	FTMK	FPTT	FTK	PBPI	
Persidangan (Dalam Negara)	39	25	36	58	39	23	2	21	243
Persidangan (Luar Negara)	5	13	9	11	7	7	1	1	54
Persidangan Luar Negara (Tanpa Hadir)	-	1	0	7	10	0	0	0	18
Jumlah	44	39	45	76	56	30	3	22	315
Terbitan Jurnal (Dalam Negara)	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Terbitan Jurnal (Luar Negara)	5	9	6	8	8	1	0	4	41
Jumlah	5	9	6	8	8	1	0	4	41
Bab Dalam Buku	2	0	-	3	-	-	-	-	5
Jumlah	2	0	0	3	0	0	0	0	5
Jumlah Mengikut Fakulti	51	48	51	87	64	31	3	26	361


Pecahan permohonan mengikut fakulti sepanjang tahun 2011

Penyertaan dan Pencapaian UTeM di Pameran dan Expo Penyelidikan.

Tahun 2011 merupakan tahun cemerlang bagi penyelidik UTeM yang telah memenangi anugerah sebanyak 79 pingat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pengiktirafan ini membuktikan hasil penyelidikan UTeM bermutu dan berkualiti. Teknologi dan inovasi yang digarap mampu melahirkan produk yang memacu perkembangan ekonomi negara. Usaha terus dilaksanakan untuk membolehkan lebih banyak produk penyelidikan yang berada di peringkat prototaip untuk ditambahnilai dan dikomersilkan.

Strategi yang dilaksanakan UTeM bagi mengalakkan


penyelidik menyertai pameran dan expo adalah dengan menyediakan insentif dan imbuhan dalam bentuk pengiktirafan, pendedahan produk ke peringkat antarabangsa dan sokongan ke arah pengkomersilan produk. Strategi ini telah berjaya meningkatkan bilangan permohonan penyertaan. Sistem saringan peringkat Universiti sebelum ke peringkat nasional adalah lebih telus dan mengikut standard ITEX. Ini menjadikan hanya produk yang bermutu, berkualiti dan berdaya saing yang mewakili universiti ke pertandingan di luar UTeM. Rajah 12 - Rajah 14 memaparkan bilangan anugerah yang diterima sepanjang tahun 2011 dan keseluruhan pingat yang diperolehi.



Pingat dan anugerah yang diterima pada tahun 2011 sebanyak 79 pingat.



PENYELIDIKAN DAN INOVASI



Perolehan jenis pingat

Pameran dan Expo Peringkat Kebangsaan

- **Malaysia Technology Expo 2011** 17-19 February 2011, PWTC, Kuala Lumpur (1 Anugerah Khas, 1 Best Award, 2 Emas, 5 Perak, 11 Gangsa)
- **21Th International Invention, Innovation, Industrial Design And Technology Exhibition 2011 (ITEX 2011)**, Kuala Lumpur Convention Centre, 20-22 May 2011 (1 Anugerah Khas, 3 Emas, 10 Perak, 6 Gangsa)
- **Persidangan Dan Ekspo Ciptaan Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PENCIPTA 2011)** 13 – 15 September 2011, KLCC, Kuala Lumpur (2 Anugerah Khas, 3 Emas, 6 Perak, 4 Gangsa)
- **MUICET 2011** 13-15 November 2011 Hotel Katerina Batu Pahat, Johor (2 Tempat Pertama, 1 Tempat Ketiga)

Pameran dan expo Peringkat Antarabangsa

- **39Th International Exhibition Of Invention Of Geneva 2011 (Geneva 2011)** 6 - 10 April 2011, Palexpo, Geneva, Switzerland (1 Anugerah Khas, 2 Emas, 2 Perak, 1 Gangsa)
- **Seoul International Invention Fair 2011**, 1 - 4 Disember (2 Perak, 5 Gangsa)
- **British Innovation And Technology Show (Bis 2011)** 19 - 22 Oktober 2011, Old Spitalfields Market, London (2 Anugerah Khas, 3 Emas, 2 Perak)
- **International Invention Fair In The Middle East 2011 (Iifme 2011)** 21-24 November 2011 (1 Emas)

Senarai pameran yang disertai pada tahun 2011 dan pencapaian



Jaringan Industri Dan Masyarakat



Kerjasama pintar antara universiti, industri dan masyarakat sangat penting untuk memperoleh manfaat bersama ke arah pembangunan ekonomi negara. Dalam usaha untuk meningkatkan sumbangan UTeM dalam bidang kejuruteraan dan teknologi melalui kerjasama strategik antara UTeM, industri dan komuniti masyarakat.

la berperanan memupuk hubungan antara industri dengan masyarakat melalui pelbagai aspek termasuklah latihan industri pelajar, pendedahan industri, sangkut industri untuk staf, kerjasama penyelidikan dan aktiviti-aktiviti lain.

Program-Program Peningkatan Hubungan Industri

Sepanjang tahun 2011, UTeM melalui Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) telah melaksanakan langkah proaktif menjalin kerjasama dengan pihak industri terutama di kalangan Industri Kecil dan Sederhana (SMI), Syarikat Berkepentingan Kerajaan (GLC), Syarikat Multinasional (MNC), Badan Kerajaan dan Badan Berkanun bagi mewujudkan jaringan strategik yang efektif.

UTeM meletakkan fokus kepada beberapa agenda utama, yang melibatkan proses-proses utama dan pelan-pelan tindakan dalam sektor pengajian tinggi dilaksanakan

secara 'business unusual' demi untuk melonjakkan sektor pengajian tinggi ke peringkat kecemerlangan.

Bagi tujuan ini, pengukuhan usaha melahirkan modal insan, memperkayakan kreativiti dan inovasi, memaksimumkan ekosistem pengajian tinggi, memanfaatkan globalisasi dan kepemimpinan yang bertransformasi di kalangan peneraju institusi pengajian tinggi-industri-masyarakat adalah antara fokus-fokus baharu yang telah dan perlu dilaksanakan oleh PJIM di sepanjang tempoh Fasa Dua PSPTN.

Memorandum Perjanjian (MoA) / Persefahaman (MoU)

UTeM mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan. Maka strategi perkongsian pintar di antara UTeM dengan rakan industri dapat memberikan kesan yang signifikan di bidang akademik. UTeM telah menjalinkan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan rakan strategik industri. Kerjasama yang dilaksanakan meliputi usaha penyelidikan bersama,

pertukaran maklumat teknikal dan staf, pemindahan teknologi dan latihan, pembangunan teknologi bersama, dan melaksanakan projek-projek berpasukan secara berterusan. Para pelajar juga mendapat manfaat melalui latihan industri yang dijalankan di syarikat-syarikat tersebut. UTeM telah menandatangani sebanyak dua (2) MoU dan sebelas (11) MoA dengan beberapa syarikat dan industri di sepanjang tahun 2011.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

BIL	NAMA SYARIKAT/ AGENSI TERLIBAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TARIKH PERJANJIAN	BIDANG JALINAN KERJASAMA INDUSTRI
1.	Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	19 Jan 2011	Mewujudkan hubungan akademik dan bekerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal, penyelidikan serta kebolehpasaran graduan
2.	Kementerian Pengajian Tinggi – Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	8 Dis 2011	Penubuhan <i>Industry-Center of Excellence (I-CoE)</i> bagi melatih kakitangan IFMY dan UTeM dalam perkara berkaitan pembangunan, penghasilan dan pembungkusan produk Back End (BE)

MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)

BIL	NAMA SYARIKAT/ AGENSI TERLIBAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TARIKH PERJANJIAN	BIDANG JALINAN KERJASAMA INDUSTRI
1.	Telekom Malaysia Berhad	Pusat Komputer	16 Feb 2011	Membekalkan perkhidmatan Metro-Ethernet, capaian Internet dan perkhidmatan rangkaian tanpa wayar
2.	SME Corp	Pej. Hal Ehwal Pelajar & Alumni – Pej. Jaringan Industri & Masyarakat	6 Julai 2011	Bekerjasama dalam memberi latihan dan pendedahan keusahawanan kepada pelajar UTeM dengan syarikat perniagaan tempatan di Malaysia serta menggalakkan pembangunan lestari PKS tempatan.
3.	National Semiconductor Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Siswazah	25 Julai 2011	Penawaran Program Pasca-Siswazah: <i>Engineering Doctorate</i> di UTeM kepada kakitangan syarikat National Semiconductor Sdn. Bhd.
4.	Rubber Leisure Products Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Siswazah	25 Julai 2011	Penawaran Program Pasca-Siswazah: <i>Engineering Doctorate</i> di UTeM kepada kakitangan syarikat Rubber Leisure Products Sdn. Bhd.
5.	Composite Technology Research Malaysia	Pusat Pengajian Siswazah	25 Julai 2011	Penawaran Program Pasca-Siswazah: <i>Engineering Doctorate</i> di UTeM kepada kakitangan syarikat Composite Technology Research Malaysia
6.	Solid Precision Engineering Sdn Bhd.	Pusat Pengajian Siswazah	25 Julai 2011	Penawaran Program Pasca-Siswazah: <i>Engineering Doctorate</i> di UTeM kepada kakitangan syarikat Solid Precision Engineering Sdn Bhd.
7.	Infineon Technologies (M) Sdn Bhd.	Pusat Pengajian Siswazah	25 Julai 2011	Penawaran Program Pasca-Siswazah: <i>Engineering Doctorate</i> di UTeM kepada kakitangan syarikat Infineon Technologies (M) Sdn Bhd.

JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)

BIL	NAMA SYARIKAT/ AGENSI TERLIBAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TARIKH PERJANJIAN	BIDANG JALINAN KERJASAMA INDUSTRI
8.	TNB Research Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Siswazah	26 Sept 2011	Penawaran Program Pasca-Siswazah: Engineering Doctorate di UTeM kepada kakitangan syarikat TNB Research Sdn. Bhd.
9.	Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Siswazah	26 Sept 2011	Penawaran Program Pasca-Siswazah: Engineering Doctorate di UTeM kepada kakitangan syarikat Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd.
10.	AMR Intellysis Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	27 Sept 2011	Pengkomersialan Foreground Knowledge yang dihasilkan dari projek yang dijalankan.
11.	Kerajaan Negeri Melaka, Mimos Bhd. dan Pemec Intregated Network System Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer	17 Okt 2011	Penyelidikan dan pengkomersialan produk berkaitan teknologi WiWi dan komunikasi wayarles

Aktiviti Perkembangan Staf Akademik & Aktiviti Penyelidikan UTeM

Pihak UTeM telah bekerjasama dengan pihak industri dan komuniti melaksanakan beberapa program ke arah perkembangan tersebut antara aktiviti-aktivitinya ialah:

Menyokong usaha memperkasakan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)

Membangunkan program *Apprenticeship* dengan syarikat Western Digital (M) Sdn. Bhd. (WDM) dan Malaysia Automotive Institute (MAI). Telah mengadakan Bengkel *Curriculum Review : Data Storage Apprentice Programme Phase 1* pada 7 hingga 9 Oktober 2011 sebagai platform bagi merangka, melaksana dan menyelaraskan Program DSAP yang telah dirancang dari aspek Penyediaan Kurikulum, Program Pembangunan Teknikal Sumber

Manusia, Program Latihan Pelajar, Pelaksanaan Subjek Elektif, Pembangunan Makmal / Bengkel serta lain-lain perkara yang berkaitan.

Mengadakan Program *Hands-On Training (HOT)* oleh staf FTK di WDM, Petaling Jaya pada 8 hingga 30 November 2011. Seramai 10 orang pensyarah dari pelbagai latar belakang akademik telah mengikuti program tersebut.

Menyokong dan membantu Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dalam mempromosikan Program Pasca Siswazah dan Program PESISIR:

- i) Western Digital Malaysia (M) Sdn. Bhd.: 14 orang calon bagi program *Master of Science (MSc) PESISIR*;
- ii) Ismeca Malaysia Sdn. Bhd.: 4 orang calon bagi program *Master of Science (MSc) PESISIR*;
- iii) Infineon Technologies (M) Sdn Bhd.: 5 orang calon bagi program *Engineering Doctorate (D.Eng)* dan *Master of Science (MSc)*.

Menyokong dan membantu program Pejabat PNC (JIM):

- i) Program *CEO Roundtable* 2011 telah diadakan pada 1 November 2011;
- ii) Program *Inaugural Lecture Series* On

Entrepreneurship oleh Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) telah diadakan pada 15 dan 29 November 2011.



Program Sangkut Industri




Program Sangkut Industri dapat mempertingkatkan hubungan di antara akademi dan industri. Staf akademik perlu menguasai kemahiran teori dan latihan amali dengan sebaik-baiknya untuk melahirkan pelajar-pelajar yang benar-benar dikehendaki oleh industri. Staf UTeM digalakkan mengikuti latihan industri agar segala perubahan teknologi dan perkembangan pesat industri dapat diikuti serta memperoleh pendedahan kepada teknologi terkini dalam bidang-bidang strategik UTeM serta bagi mendapatkan status Jurutera Profesional (IR). Pengalaman dan pengetahuan staf ketika menjalani program sangkut industri akan digunakan bagi

meningkatkan pembangunan dan penyelidikan di UTeM serta turut membantu di dalam pembangunan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (K-Profesional) bagi merealisasikan aspirasi institut pengajian tinggi negara.

Pada tahun 2011, sejumlah enam (6) orang staf akademik UTeM yang telah mengikuti Program Sangkut Industri dengan pecahan tiga (3) daripadanya mengikuti secara sepenuh masa, manakala tiga (3) staf lagi mengikutinya secara separuh masa. Jumlah tempoh Program Sangkut Industri ini adalah di antara 6 hingga ke 12 bulan

JUMLAH STAF YANG MENGIKUTI SANGKUTAN INDUSTRI BAGI TAHUN 2009 - 2010



Latihan Industri Pelajar

Latihan Industri merupakan salah satu syarat pengijazahan, dan wajib diikuti oleh semua pelajar sama ada peringkat Sarjana Muda mahupun Diploma semasa tempoh pengajian di Universiti.


Latihan Industri boleh dijadikan satu landasan bagi para pelajar untuk mendapatkan pengalaman sebenar dengan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari di Universiti dan mempraktikkan kemahiran yang diperlukan oleh sesuatu profesion yang bakal diceburi. Jangka masa penempatan di industri ini adalah berbeza mengikut peringkat pengajian pelajar. Jangka masa bagi peringkat Sarjana Muda Kejuruteraan adalah selama 12 minggu manakala Sarjana Muda Sains Komputer adalah selama 24 minggu. Bagi peringkat Diploma adalah selama 10 minggu pada semester khas.

Secara keseluruhannya pada tahun 2011, beberapa aktiviti telah dilakukan iaitu:


1. Menyelaras dan memantau penempatan pelajar sebanyak 1391 orang (dengan pecahan: 319 orang pelajar Diploma dan 1072 orang pelajar Ijazah sarjana muda) bagi program Latihan Industri.
2. Menyelaras pangkalan Data Industri sehingga kini telah mencapai jumlah 3512 bilangan syarikat.
3. Telah mengadakan bengkel bagi pemantapan garis panduan dan prosedur Latihan Industri UTeM pada 24 Mac 2011.
4. Memantau serta mengikuti proses penyeliaan oleh pensyarah Fakulti untuk pelaksanaan Latihan Industri pada tahun 2011.
5. Membantu menyelesaikan urusan tuntutan pampasan pelajar kepada syarikat insurans yang dilantik.
6. Penerbitan dan penghantaran Buku Prosedur serta Buku Log Latihan Industri kepada pihak Fakulti.
7. Meneruskan pembangunan Sistem On-Line Latihan Industri dengan Pusat Komputer yang akan mengandungi data syarikat, tempat yang ditawarkan dan maklumat pelajar. Dijangka beroperasi dan diguna pakai oleh Fakulti pada awal Januari 2012.
8. Menyedia dan menyelaras cenderahati untuk dibawa oleh penyelia latihan industri pelajar semasa lawatan ke industri.
9. Pelaporan pelaksanaan LI bagi tahun 2011 oleh pihak Fakulti kepada Jawatankuasa Tetap Senat bagi Penyelidikan, Inovasi dan Hubungan Industri (JKTS PIHI).

Berikut adalah pecahan pelajar yang telah mengikuti LI berdasarkan fakulti, negeri dan industri:


BILANGAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI MENGIKUT FAKULTI



BILANGAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI MENGIKUT NEGERI



BILANGAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI MENGIKUT STATUS INDUSTRI



Kebolehpasaran Graduan

Program Graduate Employability Enhancement and Added-Value Training (GREAT) :

Program *Graduate Employability Enhancement and Added-Value Training (GREAT)* dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpekerjaan dan kebolehpasaran graduan UTeM serta memberikan nilai tambah kepada program pengajian sedia ada di UTeM. Program yang telah diadakan pada tahun

2011 lebih kepada berbentuk Program *Degree++ (Pensijilan Profesional)* melalui dana Kementerian Pengajian Tinggi yang diberi nama Tabung 1 Juta 1 IPTA. UTeM telah mendapat peruntukan sebanyak RM629,725.23 untuk melaksanakan sebanyak sembilan (9) buah program pensijilan profesional.

NAMA PROGRAM (KURSUS/ LATIHAN)	PENGANJUR	SYARIKAT PERUNDING	BIL. PESERTA	HASIL / IMPAK
<i>Training Programmes for UTeM</i>	Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat – Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawan	Institute of Marketing Malaysia (IMM)	40 Orang Pelajar	Peserta menerima Sijil Profesional IMM
IPC - A 610 revD	Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat – Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer	Significant Technologies Sd. Bhd.	34 Orang Pelajar	Peserta menerima Sijil Certified IPC Specialist
<i>Certified Fiber Optic Technician (CFOT)</i>	Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat – Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer	Significant Technologies Sd. Bhd.	50 Orang Pelajar	Peserta menerima Sijil CFOT yang dikeluarkan oleh Fiber Optic Association Inc. USA (FOA) dan Certificate of Competency oleh Fiber Optic Association of Malaysia (FOAM)
<i>Six Thinking Hats - 1st Group</i>	Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat	IRS Training Sdn. Bhd.	25 Orang Pelajar	Peserta menerima Sijil Lulus Kursus Six Thinking Hats
<i>Six Thinking Hats - 2nd Group</i>	Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat	IRS Training Sdn. Bhd.	25 Orang Pelajar	Peserta menerima Sijil Lulus Kursus Six Thinking Hats
Latihan Kemahiran CAD (CAD Skill Training) (ICAD/ SX Mechanical Pro)	Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat – Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	DreamEDGE Sdn. Bhd.	90 Orang Pelajar	Peserta didedahkan dengan pengetahuan berkaitan Design in Manufacturing dan kemahiran penggunaan CAD System serta menerima Sijil Lulus Kursus
<i>Energy Manager Training Course</i>	Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat – Fakulti Kejuruteraan Elektrik	MRJ Technologies Sdn. Bhd.	60 Orang Pelajar	Peserta dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran teknikal berkaitan dengan pengurusan tenaga yang efisien serta menerima Sijil Lulus Kursus

NAMA PROGRAM (KURSUS/ LATIHAN)	PENGANJUR	SYARIKAT PERUNDING	BIL. PESERTA	HASIL / IMPAK
W3Schools' Certification Program: The PHP Training Course	Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat – Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	AMTIS Solution Sdn. Bhd.	46 Orang Pelajar	Peserta didedahkan mengenai pengetahuan dan teknik pengaturcaraan menggunakan PHP secara efektif dan efisien serta menerima Sijil Lulus Kursus
Program Lean Six Sigma	Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat – Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	SystatS Consulting Sdn. Bhd.	250 Orang Pelajar	Peserta didedahkan dengan kaedah 'Lean Six Sigma' dan menerima Sijil Hadir Kursus



Karnival Kerjaya UTeM 2011

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Selain daripada itu, UTeM juga melalui Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) bersama-sama Pusat Tanggungjawab (PTj) lain berserta pihak industri dan komuniti turut menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan UTeM.

Pada 23 dan 24 Feb 2011, Pejabat Jaringan industri

dan Masyarakat (PJIM) bersama-sama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan Karnival Kerjaya UTeM 2011, bertempat di Dewan Besar UTeM, Kampus Induk Durian Tunggal. Sebanyak 50 Syarikat dan Agensi Kerajaan yang telah hadir bagi mengadakan temu duga terbuka dan memberikan taklimat berkaitan kerjaya kepada pelajar-pelajar yang hadir dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) sekitar Melaka.



High-End Industry Graduate Internship Programme (HEIGIP) – Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)

Pada 16 November 2011, satu temu duga bertujuan mencari pelajar Ijazah Sarjana Muda bagi menjalani *High-End Industry Graduate Internship Programme* (HEIGIP) bersama Western Digital (M) Sdn. Bhd. telah diadakan bertempat di Bangunan Pusat Persatuan Pelajar (PPP). Seramai 41 orang pelajar Tahun 3

dari pelbagai Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi telah menghadiri sesi temu duga tersebut. Melalui sesi temu duga tersebut, seramai 12 orang pelajar UTeM telah terpilih untuk mengikuti program tersebut.

UTeM's German Day 2011

Pada 19 Januari 2011, UTeM dengan kerjasama Kedutaan Jerman di Malaysia telah menganjurkan program *German Day 2011*. Sebanyak sepuluh (10) buah syarikat dan agensi yang berasal dan berpangkalan di Jerman yang telah menghadiri program tersebut, di antaranya:

- i) The Germany Embassy , Malaysia
- ii) German Academic Exchange Service (DAAD)
- iii) Siemens Malaysia Sdn Bhd
- iv) SGL Carbon Sdn. Bhd.
- v) Rohde & Schwarz Malaysia Sdn Bhd.
- vi) Muehlbauer Technologies Sdn. Bhd.
- vii) Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd.

- viii) KUKA Robot Automation (M) Sdn. Bhd.
- ix) T-Systems Malaysia Sdn. Bhd.
- x) Volkswagen Group Malaysia Sdn. Bhd.
- xi) Q-CELLS Malaysia Sdn. Bhd

Pada program tersebut juga, satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani di antara UTeM dengan syarikat Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd. Di antara inti pati MoU tersebut ialah bagi mewujudkan hubungan akademik dan bekerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal, penyelidikan serta membantu di dalam kebolehpasaran graduan UTeM yang berorientasikan situasi menang-menang.



SME – UNIVERSITY INTERNSHIP PROGRAMME 2011

SME-University Internship Programme merupakan inisiatif yang telah dipersetujui di antara SME Corp Malaysia dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui MoU yang telah ditandatangani pada 2 Disember 2008 bagi menerapkan nilai keusahawanan dan menarik minat pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menceburi bidang perniagaan. Perjanjian Kerjasama (MoA) antara UTeM dengan SME Corp Malaysia telah ditandatangani pada 6 Julai 2011.

Berdasarkan MoA ini serta penglibatan secara langsung oleh UTeM bagi program ini, sebanyak

empat kumpulan telah berjaya ditubuhkan dan setiap kumpulan dianggotai oleh 6 orang pelajar. Pihak industri yang terlibat bagi menjayakan program tersebut ialah:

- i) Zaliza Food Industries (Pembuatan minuman air soya dan cincau)
- ii) Excellence Progressive Enterprise (Pembuatan kek dan roti)
- iii) ES Fusion (Syah Flavor) (Pembuatan sos char kue tiaw)
- iv) Micro Zass Sdn Bhd (Pembuatan/servis dan membekal mesin industri)

Sekretariat Peringkat Universiti dan Peringkat Kementerian

Selain dari hal-hal berkaitan hubungan Universiti-Industri, UTeM juga telah dilantik untuk melaksanakan tugas sebagai urusetia kepada jawatankuasa di peringkat Universiti dan

Kementerian selain daripada menyokong fakulti di dalam menjayakan hubungan dengan pihak industri.

CEO Round Table

CEO Roundtable 2011 merupakan program yang berfungsi sebagai platform yang akan memberikan input kepada UTeM dalam perkara yang melibatkan perhubungan kerjasama dan keperluan dengan pihak industri dan juga komuniti. Tokoh-tokoh industri dan komuniti dijemput bagi mendapatkan input dan maklum balas serta berkongsi pengalaman mengenai pelbagai aspek yang boleh membantu di dalam pembangunan Universiti selain membina

hubungan kerjasama yang kukuh di antara UTeM dengan pihak industri dan komuniti.

Program CEO Roundtable 2011 yang diadakan pada 1 November 2011 telah menghimpunkan beberapa-pemimpin industri di peringkat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berlangsung di Kampus Tetap UTeM:



Program Campus Connect KPT-WD

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah memutuskan untuk mengadakan program kerjasama dengan syarikat Western Digital (M) Sdn. Bhd. (WD)

yang dinamakan *Program Campus Connect Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) - Western Digital (WD)*.




KPT telah mengambil inisiatif menjalankan program kerjasama bersama industri mengikut kluster di mana Kementerian telah mengenal pasti 18 kluster industri dan sedang membangunkan program kerjasama bagi setiap kluster tersebut. Antara program kluster industri yang sedang dibangunkan adalah Kluster

Kejuruteraan (Elektrik dan Elektronik) di mana program kerjasama dengan syarikat Western Digital (M) Sdn. Bhd. (WDM) menekankan kerjasama bersama Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti tempatan (IPT) dalam industri *Pemacu Cakera Keras (HDD)* dan *Media Substrates*.

Industry-Center of Excellence (I-CoE): UTeM - Infineon (M) Sdn Bhd

UTeM dan Infineon (M) Sdn Bhd bersetuju untuk meneruskan kerjasama yang boleh dilaksanakan melalui hubungan baik yang wujud di antara kedua pihak. Dengan jalinan kerjasama ini pihak UTeM juga akan dapat membantu pihak Infineon mendalami

bidang pendidikan, latihan teknikal, penyelidikan, kebolehpasaran graduan dan aktiviti-aktiviti lain yang dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak dengan bantuan para ahli akademik melalui fakulti-fakulti yang berkaitan.



Pembangunan Infrastruktur Kampus



اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KAMPUS

Tahun 2011 merupakan tahun bermulanya era Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) yang merangkumi tempoh tahun 2011 hingga 2015. Dengan bermulanya RMKe-10

ini maka UTeM melangkah setapak lebih maju ke arah kelestarian pembangunan kampus.

Pembangunan Infrastruktur Kampus Induk (Perbelanjaan Pembangunan)

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)

Bagi tahun 2011, UTeM telah memohon peruntukan berjumlah RM424,396,539.00 bagi perancangan 'RMK-10;1st Rolling Plan' meliputi (23) komponen projek. Walau bagaimanapun, hanya enam (6) komponen projek diluluskan dan diperaku oleh pihak

Unit Perancang Ekonomi (EPU) dengan siling berjumlah RM13 juta. Komponen projek yang diluluskan ini merupakan projek sambungan RMK-9. Perincian komponen projek yang diluluskan adalah seperti rajah di bawah;



Berdasarkan kelulusan projek di dalam 'RMK-10;1st Rolling Plan' ini, beberapa perancangan pembinaan fizikal telah dibuat bagi memastikan perkhidmatan terbaik dan pelaksanaan kepada setiap warga UTeM. Bagi projek Pembinaan Bangunan Perkhidmatan Gunasama, pembahagian


komponen projek ditunjukkan sepertimana rajah di bawah;

Bagi projek Naik taraf Infrastruktur Utama, terdapat enam (6) komponen projek yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2011. Perincian projek-projek berkenaan seperti jadual berikut:

BIL	NAMA PROJEK
1	Parkir Berbumbung Kenderaan Universiti
2	Laluan Pejalan Kaki di Lingkaran Utama Kampus
3	Kawasan Interaksi Pelajar
4	Naik taraf Tapak Semaian
5	Laluan Trek ke Tembok Memanjat
6	Laluan Bertangga di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bagi 'RMK-10; 2nd Rolling Plan' yang meliputi tahun 2012, UTeM telah membuat permohonan projek-projek baru melibatkan sembilan (9) komponen projek berjumlah RM641,684,183.72. Walau bagaimanapun,

projek-projek kecil pembangunan tetap diteruskan dengan pendekatan yang mementingkan kualiti dan berdasarkan kepentingan dengan menggunakan pelbagai sumber kewangan yang terhad.



Pembangunan Infrastruktur Kampus Induk (Inisiatif Pembiayaan Swasta)

Kompleks Latihan Dan Pembuatan UTeM

Kompleks Latihan Dan Pembuatan yang telah siap dibina telah menempatkan pentadbiran dan makmal-makmal Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Diantara makmal-makmal yang disediakan

meliputi Makmal Polimer, Makmal Bahan, Makmal Komputer, Makmal Industri Robot, Makmal Persediaan Sampel, Makmal CIM/FMS dan Bilik Tutorial.

Pembinaan Kolej Kediaman Pelajar

UTeM telah diperakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk pembinaan asrama yang mampu menempatkan seramai 1,018 pelajar secara Inisiatif Pembiayaan Swasta dengan kos pembinaan berjumlah RM30.0 juta. Projek pembinaan telah bermula pada 22 Ogos 2011 dan dijangka siap sepenuhnya serta sedia diguna pakai menjelang 21 Ogos 2012.


Komponen kemudahan yang akan disediakan adalah seperti dua (2) unit blok Asrama Dormitori 4

tingkat, satu (1) unit blok Asrama *Self-Contained Apartment* 4 tingkat, satu (1) unit Arked Pelajar, satu (1) unit Dewan Serbaguna, satu (1) unit kediaman Pengetua Felo, dua (2) unit kediaman Felo, gelanggang dan padang permainan terbuka (*non-competitive*) dan infrastruktur meliputi sistem jalan, perparitan, kumbahan, bekalan air dan elektrik.

Sehingga kini pelajar ditempatkan di sepuluh (10) kolej kediaman yang disewa oleh UTeM. Kapasiti setiap kolej kediaman sepertimana rajah di bawah;



KAPASITI PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Cedung



U¹TeM

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Pengiktirafan ISO 9001:2008

Pencapaian yang membanggakan Perpustakaan UTeM bagi tahun 2011 ialah penerimaan persijilan MS ISO 9001:2008 dari QAS SIRIM International Sdn. Bhd. pada 12 Ogos 2011 ekoran kejayaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati ISO 9001:2008 dengan skop Pengurusan Perkhidmatan Perpustakaan.

Selari dengan persijilan ISO untuk UTeM dalam bidang `Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran` dan hasil

soal selidik perkhidmatan perpustakaan pada tahun ini memperlihatkan keseluruhan kepuasan terhadap perkhidmatan perpustakaan adalah sebanyak 83.03 %.

Jumlah buku dalam koleksi terus meningkat dan sehingga akhir tahun 2011 berjumlah 55,733 judul (58,008 naskah).

TAHUN	BILANGAN PELAJAR	KOLEKSI BUKU	NISBAH
2011	9,227 orang	58,008 naskah	1:6

Nisbah pelajar dengan koleksi buku perpustakaan

Perpustakaan Cawangan

Pada 21 April tahun 2011 Perpustakaan Cawangan Kampus Industri telah dibuka di tingkat 2 Bangunan Akademik, selepas pengoperasian Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) di Kampus Industri, Ayer Keroh pada bulan Mac 2011.

Kini lebih 6,000 judul buku berkaitan dengan teknologi kejuruteraan telah ditempatkan di perpustakaan cawangan ini.

Koleksi Ilmu

Perpustakaan meneruskan usaha membangun dan meningkatkan koleksi bahan rujukan dan sumber elektronik yang menjadi agenda utama Perpustakaan bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan

penyelidikan universiti. Perolehan bahan-bahan berkenaan dibuat melalui pembelian, hadiah dan pertukaran dengan berfokus kepada niche area universiti iaitu kejuruteraan, teknologi maklumat dan teknousahawanan.

TAHUN	2011
Jumlah judul	187,048 judul 65,919 judul bahan bercetak dan 121,129 judul bahan online

Jumlah judul bahan bercetak dan bahan online di Perpustakaan UTeM.

Perkhidmatan

Perkhidmatan baru yang diperkenalkan pada tahun 2011 ialah 'Ask Librarian', yang merupakan medium bagi perpustakaan berinteraksi dengan pengguna secara maya sepanjang 24 jam dan tujuh hari seminggu (24x7). Setiap permasalahan akan dimaklumbalas oleh Pustakawan Bahagian Rujukan dan statistik persoalan yang dikemukakan oleh pengguna adalah meningkat setiap bulan iaitu empat soalan pada bulan April, Jun (5

soalan) September (15 soalan) dan Disember (25 soalan).

Bilangan pengguna yang mengunjungi Perpustakaan pada tahun 2011 ialah 516,297 pengunjung (maya 407,486 akses portal dan fizikal 108,811 orang) meningkat 179 % berbanding tahun 2010 dengan 287,627 pengunjung (fizikal 72,736 orang dan maya 214,891 akses).

Perkara	2011
Pengunjung	516,297 orang
Pinjaman bahan	31,851 naskah
Penggunaan ruang/bahan media	11,788 pengguna

Bilangan pengunjung, peminjaman bahan dan penggunaan ruang di perpustakaan.








Infra

Dan Info ICT

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Dalam menyokong pelaksanaan perancangan strategik universiti maka setiap projek ICT yang dilaksanakan harus memberi impak yang besar dan menyeluruh kepada staf

dan pelajar seperti mana yang telah digariskan dalam perancangan strategik universiti melalui Balanced Score Card.

Infrastruktur ICT

Penyediaan Perkhidmatan Internet & Intranet Serta Sistem Rangkaian Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kampus Industri

Seiring dengan perkembangan universiti melalui pertambahan fakulti baru Fakulti Teknologi Kejuruteraan maka keperluan kemudahan ICT merupakan suatu kemestian yang perlu ada. Keperluan perkhidmatan Internet dan Intranet serta sistem rangkaian antara lainnya adalah:-

Internet dan Intranet di Kampus Industri dan capaian ke Internet adalah sebanyak 6 Mbps dan capaian Intranet ke Kampus Induk UTeM sebanyak 8 Mbps berserta dengan *Unified Threat Manager (UTM)*.

Pelaksanaan Cisco Network Admission Control (NAC) Di Kampus Induk UTeM

Cisco Network Admission Control (NAC) merupakan salah satu kaedah penyelesaian bagi pentadbir rangkaian untuk *authenticate, authorize, evaluate, dan remediate wired, wireless* pengguna sebelum membenarkan komputer pengguna boleh digunakan dan disambungkan dalam sesuatu sistem rangkaian.

NAC akan mengesahkan sama ada peralatan rangkaian seperti komputer dan peralatan rangkaian lain memenuhi polisi sekuriti yang ditetapkan sebelum ianya dapat menggunakan sistem rangkaian dengan selamat.

Menaiktaraf Storage Area Network (SAN)

Perkembangan pembangunan aplikasi baru serta peningkatan penyimpanan maklumat-maklumat aplikasi-aplikasi sedia ada menuntut penggunaan ruang storan berkapasiti besar untuk tujuan penyimpanan data.

Pada September 2011, kapasiti ruang storan di Datacenter Pusat Komputer UTeM telah ditingkatkan kepada 100 Terabyte iaitu dengan menggunakan peralatan baru model **EMC VNX 5300 Series**. Ini bagi menggantikan peralatan lama iaitu model **CLARiON CX3 Series**.

Infostruktur ICT

Pemasangan Door Access

Penggunaan *Door Access* di UTeM telah dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Ogos 2011. Pelaksanaan ini melibatkan melibatkan tiga kampus di universiti ini iaitu Kampus Induk, Kampus Industri dan Kampus Bandar.

Pemasangan Door Acces ini adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap kawalan keselamatan Pusat

Tanggungjawab dan menyokong untuk :-

- a) Memantau dan mengawal setiap staf akses mengikut jabatan.
- b) Staf yang mempunyai *card access* dibenarkan memasuki kawasan pejabat dan juga bertindak sebagai sistem perakam waktu kehadiran staf.

- c) Sistem ini berfungsi 24 jam termasuk cuti umum.
- d) Pengesanan atau log data berkaitan individu yang menggunakan sesuatu laluan dapat dikeluarkan melalui sistem.
- e) Dapat memberikan tindak balas yang cepat , tepat dan bersistematik berdasarkan sistem yang digunakan jika berlaku sebarang insiden atau isu yang berkaitan dengan keselamatan.



Pembangunan Modul Outcome Base Education (OBE) Fasa I

Modul ini telah dibangunkan dengan kerjasama antara Pusat Komputer dan Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik, Canselori. Demo Penggunaan sistem OBE ini bersama wakil-wakil Fakulti telah dilaksanakan pada 17 November 2011 di Dewan Siber Pusat Komputer.

Pelaksanaan Pembayaran FPX-Pembayaran Bil Tuntutan Bagi Pihak Ketiga

Financial Process Exchange (FPX) atau Bursa Pemprosesan Kewangan merupakan satu perkhidmatan pembayaran atas talian (online) terkini di Malaysia yang diuruskan oleh Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS). Ia merupakan satu platform transaksi kewangan secara atas talian yang menghubungkan antara bank-bank dalam urusan

pembayaran melalui internet. FPX boleh diumpamakan sebagai gerbang pembayaran Internet (*Internet Payment gateway*) yang membolehkan pembayar menggunakan satu platform yang sama bagi pembayaran secara atas talian bagi bank-bank yang berbeza dan juga menyokong transaksi B2B (pembeli kepada pembeli) atau B2C (pembeli kepada pelanggan).

URIS - Short Term Research Grant Application

Modul *Short Term Grant Application* adalah salah satu modul yang terdapat di dalam URIS (University Research Information System). Objektif modul ini dibangunkan adalah untuk menggantikan kaedah manual yang digunakan sebelum ini kepada kaedah berkomputer sepenuhnya dari proses permohonan sehingga proses kelulusan.

perlu lagi memasukkan maklumat Penyelidikan Jangka Pendek yang telah diluluskan ke dalam sistem kerana maklumat penyelidikan tersebut akan terus dipindahkan kepada modul-modul lain yang berkaitan.

Modul ini telah dilaksanakan sepenuhnya pada 31 Januari 2011. Kelebihan modul ialah penyelidik tidak

Permohonan untuk *University Short Term Research Grant* telah dibuka pada 31 Januari 2011 dan terdapat satu lagi permohonan yang telah dibuka pada 27 Mac 2011 iaitu permohonan bagi *University Top Down Research Grant*.

Sistem dan Laman Web SUKUM Ke 36

Berikutan pemilihan UTeM selaku tuan rumah bagi kejohanan SUKUM Ke 36 kali ini, maka Pusat Komputer bersama dengan Pusat Sukan telah membangunkan sistem dan laman web khas bagi tujuan ini.

Terdapat 6 menu utama di dalam laman web ini yang merangkumi jadual acara, keputusan kejohanan dan pelbagai lagi. Di sepanjang kejohanan berlangsung keputusan markah akhir akan dipaparkan di sini bagi tujuan rujukan semua kontinjen. Keputusan bagi setiap acara di kemas kini 2 kali sehari.

Sistem ini dibangunkan bagi mengendalikan kerja-kerja pendaftaran atlet dan pegawai daripada 21 kontinjen yang terlibat semasa kejohanan berlangsung.

Sistem ini dibahagi kepada dua iaitu sistem berasaskan web dan sistem berasaskan *client*. Atlet dan pegawai yang terlibat bagi setiap kontinjen didaftarkan secara atas talian. Seramai lebih kurang 3,300 orang atlet dan pegawai dari semua kontinjen telah didaftarkan melalui sistem.

Portal UTeM Bertaraf 5 Bintang

Portal UTeM telah mencipta kejayaan apabila diiktiraf sebagai lima bintang dan menduduki tangga pertama kategori Universiti oleh *Multimedia*

Development Corporation (MDeC) dalam laporan Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Malaysia bagi tahun 2011.




Pembangunan Pelajar



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PEMBANGUNAN PELAJAR

Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) memberi fokus utama membantu UTeM melahirkan pelajar yang memiliki peribadi yang unggul serta cemerlang dalam bidang akademik. HEPA melaksanakan tanggungjawab dalam

memantapkan program pembangunan pelajar yang mampu berdiri sebaris dengan IPTA lain serta mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Universiti.

Pembangunan Pelajar

Dalam usaha pembangunan holistik pelajar yang cemerlang dan seimbang antara tuntutan akademik dan kokurikulum, maka HEPA telah menganjur, melaksana

dan menyertai berbagai program dan aktiviti kokurikulum berdasarkan lapan (8) teras PSPTN dengan tujuan bagi mencapai tujuh (7) Kemahiran Insaniah.

Pencapaian aktiviti yang dikendalikan oleh HEPA berdasarkan 8 Teras

BIL.	TERAS	PENCAPAIAN
1.	Daya Usaha dan Inovasi	-
2.	Pengucapan Awam	1. Peringkat Saringan dalam Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri Antara IPT
3.	Kepimpinan	1. Penganjuran Pesta Konvokesyen ke-7 2. Cross Cultural Leadership Expedition Program
4.	Keusahawanan	1. Menganjurkan Program GABEM Zon Selatan 2. Penyertaan Kem Real Usahawanan di Bandung, Indonesia
5.	Kebudayaan	1. Tempat ke-3 Tilawah Al-Quran dalam Karnival Kesenian Islam Ungku Omar, UKM 2. Tempat ke-3, Berzanji dalam Karnival Kesenian Islam Ungku Omar, UKM 3. Dijemput mempersembahkan Orkestra UTeM dalam Santai Budaya di UTHM 4. Johan dalam Pertandingan Bamboo International Experimental Performance (MAKUM)
6.	Sukan	1. 4 Emas, 4 Perak dan 3 Gangsa dalam MASUM 2011 2. Tempat ke-5 dalam Jelajah Malaysia (Berbasikal) 3. Johan Zon Selatan dalam Liga Bola Sepak IPT 2011 4. Naib Johan Looser Pool dalam Kejohanan Hoki Dewan MASUM 2011 5. Peringkat Suku Akhir dalam Bola Keranjang 3 on 3 IPT 2011 6. Peringkat Suku Akhir dalam Sukan Pantai MASUM 2011 7. Tempat ke-20 dalam Kejohanan KPT-IPT UiTM Varsity Mountain Bike Criterium Race 2011 8. Peringkat Suku Akhir dalam Kejohanan Ultimate Flying Disc Kolej Tun Syed Nasir-UKM 9. Peringkat Suku Akhir dalam Kejohanan Paintball Extreme Games (KAPERZA) 2011 10. Peringkat Akhir Kayak TK2 (W) dalam Kejohanan Sukan Air MASUM 2011
7.	Kesukarelawan	1. Bakti Siswa Melaka Riau 2. MASKUM Zon Selatan
8.	Khidmat Komuniti	-

Pusat Sukan Tumpuan

Kementerian Pengajian Tinggi telah memilih UTeM sebagai Pusat Sukan Tumpuan Berbasikal. Mandat ini telah merangsang kepada pembangunan aktiviti sukan berbasikal di universiti ini. Pasukan Berbasikal UTeM telah mencipta nama apabila telah berjaya mencatat

kecemerlangan merangkul kedudukan Johan Keseluruhan dalam acara berbasikal dalam SUKUM ke-36 dengan meraih empat pingat emas iaitu dua kategori Senior Lelaki dan dua kategori Veteran.



Penglibatan Sukan Pelajar

Aktiviti Sukan RECCA

Penganjuran Karnival Sukan Rekreasi IPT 2011 (RECCA) merupakan usaha Pusat Sukan UTeM ke arah memperkenalkan aktiviti sukan lasak yang kian diminati para pelajar. Inisiatif UTeM membina

Flying Fox, Abseiling, Wall Climbing dan berbagai kemudahan lagi memberi ruangan kepada pelajar dalam menjalani aktiviti sukan rekreasi.



Sukan MASUM

Karnival Sukan MASUM 2011, disertai dengan jayanya dimana UTeM berjaya meraih empat Pingat Emas, empat Pingat Perak dan tiga Pingat Gangsa. Buat julung kalinya penyertaan dalam Kejohanan Sukan Air MASUM 2011, Pasukan UTeM memberi saingan hebat dengan layak ke peringkat akhir Kayak TK2 dalam kategori Wanita.



PEMBANGUNAN PELAJAR (SAMB.)

Aktiviti Pelajar

Aktiviti Lasak

Tahun 2011 mencatat sejarah tersendiri apabila 3 orang pelajar dan 2 orang staf HEPA berjaya menawan gunung tertinggi di Asia Tenggara, Gunung Kinabalu dalam program Ekspedisi Jejak Kinabalu

2011 mulai 19 hingga 22 Jun 2011. Program ini turut disertai oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dan Penolong Naib Canselor (HEPA), Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman.



Khidmat Kesukarelawanan

Dalam usaha ke arah pemembangunan pelajar secara holistik bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar, aspek kerohanian dan kemasyarakatan turut dititikberatkan juga. Seramai 50 orang pelajar bersama staf UTeM berganding bahu membantu mangsa banjir di Kampung Jawa, Lenga Pagoh, Johor. Program ini merupakan anjuran MASKUM (Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain itu seramai 30 orang pelajar dari pelbagai fakulti turut mencurahkan bakti menerusi Program Bakti Siswa

di Kampung Sempang Serkam, membantu mengecat dan membersihkan kawasan masjid serta menghulurkan bantuan berupa barangan keperluan harian dan wang tunai kepada penduduk setempat yang kurang bernasib baik.

Khidmat masyarakat pelajar UTeM turut merentas sempadan antarabangsa apabila seramai 25 orang pelajar UTeM telah menyertai Program Bakti Siswa Melaka-Riau.



Bimbingan Pelajar Sekolah

Program mendekati pelajar kepada masyarakat dipanjangkan kepada bimbingan kerjaya dan promosi UTeM kepada generasi muda masyarakat

setempat melalui program Karnival Inovasi dan Kerjaya di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar.

Pembangunan Dan Pengurusan Sumber Manusia

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PEMBANGUNAN & PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan Sumber Manusia

Perjawatan 2011

Sehingga 31 Disember 2011, bilangan perjawatan yang ada di UTeM adalah sebanyak 1915. Daripada jumlah yang ada ini 3 orang merupakan staf di peringkat pengurusan utama manakala seramai 783 orang pula adalah terdiri dari komposisi staf berjawatan akademik yang mana 639 merupakan Pensyarah, 80 berjawatan Tutor, 16 berjawatan Guru Bahasa dan 48 orang berjawatan Jurutera Pengajar. 20% daripada jumlah Pensyarah ini iaitu sebanyak 127 orang adalah staf berkelayakan PhD. Dan daripada jumlah tersebut seramai 48 orang staf ataupun sebanyak 7% adalah staf berjawatan Profesor dan Prof. Madya.

Bagi jawatan bukan akademik, Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah seramai 187 orang manakala selebihnya iaitu Kumpulan Sokongan adalah seramai 942 orang.

Pada tahun 2011, Universiti telah diluluskan sebanyak 29 jawatan melibatkan 24 jawatan akademik, 2 jawatan bagi kumpulan pengurusan & profesional manakala 3 jawatan bagi kumpulan sokongan. Selain itu juga, bagi tahun yang sama sebanyak 125 jawatan Tutor telah dimansuhkan berkuat kuasa mulai 1 September 2011 menjadikan keseluruhan waran akademik menurun kepada 706 jawatan sahaja. Pemansuhan ini dilaksanakan berikutan pelaksanaan perkhidmatan awam yang keajaiban di Kementerian Pengajian Tinggi selepas mendapat arahan daripada Jabatan Perkhidmatan awam (JPA).

Jadual di bawah menunjukkan tentang jumlah waran dan pengisian yang telah dibuat sehingga 31 Disember 2011.

WARAN DAN PENGISIAN PERJAWATAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2011

BIL	KUMPULAN STAF	WARAN 2011	PENGISIAN 2011
1.	PENGURUSAN TERTINGGI	3	3
2.	AKADEMIK	831	783
3.	PENGURUSAN & PROFESIONAL	177	187
	SOKONGAN	908	942
	JUMLAH KESELURUHAN	1919	1915

Pengisian yang dibuat adalah termasuk staf tetap, kontrak dan sementara.

PENGISIAN PERJAWATAN AKADEMIK 2011

BIL.	PENGISIAN JAWATAN AKADEMIK	JUMLAH
1.	LANTIKAN BARU	48
2.	TUKAR SKIM	28
3.	NAIK PANGKAT	60
	JUMLAH	136

PENGISIAN PERJAWATAN BUKAN AKADEMIK 2011

BIL.	PENGISIAN JAWATAN AKADEMIK	JUMLAH
1.	LANTIKAN BARU	137
2.	TUKAR STATUS (SEMENTARA/KONTRAK)	5
3.	NAIK PANGKAT	10
	JUMLAH	152

Pengurusan Organisasi

Pengurusan Tiket Kapal Terbang

Tujuan utama kaedah ini dibenarkan adalah bagi menjimatkan kos, masa dan memudahkan lagi tempahan tiket kapal terbang dilaksanakan di Universiti ini. Oleh yang demikian, bagi tujuan penjimatan dan memudahkan lagi tempahan serta pembelian tiket kapal terbang, maka pada masa

kini staf yang layak boleh membuat pembelian tiket kapal terbang secara online melalui pembelian secara terus ke kaunter tiket, Internet atau menggunakan kad kredit. Perkara ini juga telah di war – warkan kepada pengetahuan semua warga universiti melalui Surat Edaran Pentadbiran Bilangan 17 tahun 2011.

Dasar dan Kualiti

Majlis Hari Kualiti


Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan acara tahunan Universiti yang mana Universiti telah melihat prestasi kerja setiap staf berwibawa dinilai dan diberi ganjaran dengan sewajarnya. Majlis Hari Kualiti bagi tahun 2011 telah diadakan di Dewan Besar pada tanggal **18 Mei 2011**.

Seramai 1792 orang staf yang aktif di UTeM pada tahun 2010. Sehubungan dengan itu, melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia yang telah diadakan pada 2 April 2010 telah bersetuju untuk memperakukan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 142 orang staf. Taburan Penerima APC 2010 mengikut Kumpulan Perkhidmatan adalah seperti berikut:-



PEMBANGUNAN & PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

TABURAN PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN
 CEMERLANG BAGI TAHUN 2010



Majlis Jasamu Dikenang

Sebagai tanda penghargaan ke atas sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh staf, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Majlis Jasamu Dikenang untuk meraikan pesara-pesara Universiti pada 12 Disember 2011 bertempat di Dewan Jamuan Auditorium, Canselor.

Di majlis ini, pesara menerima cenderamata dan Sijil Penghargaan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan dan jasa selama berkhidmat di Universiti. Seramai empat (4) orang pesara UTeM telah dirai iaitu :

1. Pn. Rohana bt Abdul Ghani
2. Cik Latnah binti Ninggal
3. En. Jais bin Sapuan
4. Cik Siti Noor Kiah binti Syed Abdul Malek



Lembaga Pengarah Universiti

Pada tahun 2011 UTeM telah menerima beberapa lantikan baru dan penyambungan semula Ahli Lembaga Pengarah. Berikut merupakan lantikan baru dan lantikan semula sepanjang tahun 2011:

1. **YBhg. Prof. Dr. Azali bin Mohamed**
Tarikh lantikan : 15 Mei 2011 - 14 Mei 2014
2. **Encik Shahid-din bin Mohd Khatib**
Tarikh Lantikan : 15 Jun 2011 - 14 Jun 2014
3. **YBhg. Datuk Wira Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron**
Tarikh lantikan : 15 Mei 2011 - 14 Mei 2014
4. **Encik Tajol Azhar bin Md. Tahir**
Tarikh Lantikan : 15 Jun 2011 - 14 Jun 2014
5. **Cik Ku Maharum binti Ku Yaacob**
Tarikh Lantikan dan Tamat : 1 Ogos 2008 - 15 Mei 2011

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 3 bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan 2 bilangan Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah telah dijalankan dengan sejumlah 27 buah kertas kerja telah dibincangkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 4 bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah telah

diadakan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka manakala Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil. 1/2012 telah diadakan di luar universiti. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti yang telah diadakan sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut;

BIL.	MESYUARAT	TARIKH	LOKASI
1.	Mesyuarat Khas LPU Bil. 1/2011	10 Januari 2011	Bilik Mesyuarat Penang, Tingkat 1, Putrajaya Marriott Hotel, IOI Resort City, Sepang Utara
2.	LPU Bil. 1/2011	18 Mac 2011	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselori, Kampus Induk, UTeM
3.	LPU Bil. 2/2011	24 Mei 2011	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselori, Kampus Induk, UTeM
4.	Mesyuarat Khas LPU Bil. 2/2011	29 Julai 2011	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselori, Kampus Induk, UTeM
5.	LPU Bil. 3/2011	25 Ogos 2011	Bilik Mesyuarat Senat, Tingkat 4, Bangunan Canselori, Kampus Induk, UTeM

Pengiktirafan MS ISO 9001:2008

Pada 12 Oktober 2011 Pejabat Pendaftar telah diberi pengiktirafan MS ISO 9001 :2008 daripada **Bureau Veritas Certification (M) Sdn. Bhd. (BVC)**. Persijilan MS ISO 9001:2000 dan Sistem Pengurusan Kualiti

(SPK) dapat memberi keyakinan malah jaminan kepada pelanggan bahawa mutu produk atau perkhidmatan yang diberi akan sentiasa menepati kehendak pelanggan dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

PEMBANGUNAN & PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (SAMB.)

Pembangunan Sumber Manusia

Latihan dan Pembangunan Staf

Sepanjang tahun 2011, Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah berjaya menganjurkan sebanyak 125 kursus

anjaran dalaman yang merangkumi kompetensi umum (generik) dan khusus (fungsional), manakala seramai 889 orang staf UTeM menyertai kursus anjaran luar.

STATISTIK STAF YANG TELAH MENGIKUTI PROGRAM LATIHAN TAHUN 2011 DAN TELAH MEMENUHI 42 JAM SETAHUN MENGIKUT GRED

GRED/KUMPULAN	BILANGAN STAF	KURSUS PENDEK			
		> 7 HARI	< 7 HARI	> 3 BULAN	TIDAK BERKURSUS
JUSA	17	17	0	0	0
Pengurusan & Professional	646	578	63	266	5
Sokongan 1	669	590	72	0	7
Sokongan 2	192	130	55	0	7
Jumlah	1524	1315	190	266	19
Peratus (%)		86.29	12.47	17.45	1.25

Merujuk kepada statistik di atas, seramai 190 orang staf atau 12.47 peratus staf tidak dapat melengkapkan 7 hari berkursus atau 42 jam latihan setahun manakala

19 orang atau 1.25 peratus tidak berkursus. Seramai 266 orang staf UTeM terlibat dengan kursus melebihi 3 bulan termasuk cuti belajar, skim sangkut industri dan lain-lain.

Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR)

Sehingga bulan Disember 2011, HRD telah menganjurkan sebanyak 9 siri Program Integrasi Insan

Terbilang (PINTAR). Program ini telah dilaksanakan pada tarikh- tarikh yang berikut:




BIL	TARIKH	PUSAT TANGGUNGJAWAB
1.	21 - 23 Jan. 2011	Pejabat Perpustakaan
2.	18 - 20 Feb. 2011	Pusat Bahasa&Pembangunan Insan
3.	04 - 06 Mac 2011	Pusat Komputer
4.	22 - 24 April 2011	Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi
5.	17 - 19 Jun 2011	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
6.	23 - 25 Sept. 2011	Fakulti Kejuruteraan Elektrik
7.	14 - 16 Okt. 2011	Fakulti Teknologi Kejuruteraan
8.	18 - Nov. 2011	FPTT, PPP, PPB, Penerbit Universiti, Pusat Islam, Pusat Sukan & PJKA
9.	16 - 18 Dis. 2011	Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik

Satu modul kursus yang dikenali sebagai Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik telah diperkenalkan oleh HRD. Kursus ini merupakan satu pendekatan holistik dalam membina dan mengukuhkan kualiti dalaman peserta yang akan mempengaruhi sikap, sistem kepercayaan, perilaku, tindakan, budaya kerja dan prestasi kehidupan. Modul-modul dalam kursus merupakan gabung jalin keilmuan

dan pendekatan tradisi dengan sains moden dalam meneroka dan membangunkan potensi diri manusia ke arah meningkatkan kecemerlangan dan profesionalisme dalam kerjaya dan kehidupan. Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik ini, pertama kalinya diadakan pada 23 November 2010 dan telah dijalankan sebanyak 6 kali pada tahun 2011.



UTeM Leadership Development Program (ULDP)

UTeM Leadership Development Program (ULDP) adalah satu program pembangunan kepimpinan yang bertujuan untuk membangunkan lapisan pemimpin UTeM yang berfokus kepada pembangunan kepimpinan dan pemikiran strategik untuk mencapai visi, misi dan strategi UTeM.

kepimpinan UTeM yang terdiri daripada Staf Akademik yang memegang jawatan pentadbiran dan Pentadbir dalam grad 48 - 52. Melalui program ini juga lapisan kepimpinan berpeluang mengalami pengalaman merancang dan melaksanakan inisiatif strategik UTeM sejajar dengan pelan strategik UTeM yang dirangka berdasarkan "Balanced Scorecard" (BSC) .

Kumpulan sasaran ULDP adalah kategori pelapis

PEMBANGUNAN & PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (SAMB.)

Unit Pengesahan Perkhidmatan

Sepanjang tahun 2011, HRD telah menganjurkan beberapa siri Program UTeM Terbilang (merangkumi Program Orientasi Staf Baru, Aku janji & Induksi Khusus) dan Kursus Induksi Umum yang melibatkan

semua kumpulan dan gred jawatan bagi membolehkan staf menepati syarat-syarat untuk disahkan dalam perkhidmatan. Berikut adalah statistik penganjuran kursus tersebut:

SENARAI PESERTA PROGRAM UTeM TERBILANG BAGI TAHUN 2011						
BIL.	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA KESELURUHAN	SOKONGAN	PENGURUSAN & PROFESIONAL	
					AKADEMIK	BUKAN AKADEMIK
BIL. 1	13 MAC - 23 MAC 2011	EAGLE RANCH RESORT PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN	70	26	36	8
BIL. 2	22 MEI - 2 JUN 2011	ANCASA ALL SUITE & SPA, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN.	37	13	20	4
BIL. 3	17 JULAI - 28 JULAI 2011	BAYU BEACH RESORT, PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN	69	34	22	13
SENARAI PESERTA PROGRAM UTeM TERBILANG BAGI TAHUN 2011						
BIL.	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA KESELURUHAN	SOKONGAN	PENGURUSAN & PROFESIONAL	
					AKADEMIK	BUKAN AKADEMIK
BIL. 1	13 MAC - 23 MAC 2011	EAGLE RANCH RESORT PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN	34	34	0	0
BIL. 2	22 MEI - 2 JUN 2011	ANCASA ALL SUITE & SPA, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN.	57	0	42	15
BIL. 3	17 JULAI - 28 JULAI 2011	BAYU BEACH RESORT, PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN	36	0	25	11
BIL. 4	28 NOVEMBER - 8 DISEMBER 2011	GLORY BEACH RESORT, PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN	58	58	0	0

Bagi Peperiksaan Perkhidmatan Staf pula, seramai 280 orang staf telah mengikuti peperiksaan perkhidmatan

staf yang mana 152 orang mendudukinya pada bilangan 1/2011 dan seramai 128 orang staf pada bilangan 2/2011.

BIL./ TAHUN	BIL. 1/2011	BIL. 2/2011
TARIKH	27/04/2011	27/10/2011
JUMLAH MOHON	152 orang	128 orang
CEMERLANG	40	24
LULUS	99	86
GAGAL	13	17
TIDAK HADIR	0	1

Pengesahan dalam perkhidmatan merupakan syarat yang telah ditetapkan dan dinyatakan dengan jelas dalam perintah Am ke atas semua kakitangan Kerajaan sama ada staf yang dilantik dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan

dan lain-lain lagi. Staf yang ditawarkan jawatan di UTeM telah dinyatakan keperluan untuk memenuhi syarat-syarat sebelum dapat dipertimbangkan untuk pengesahan jawatan. Jumlah staf yang disahkan pada tahun 2011 adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

BIL./ TAHUN	BIL. 1/2011	BIL. 2/2011	BIL. 3/2011
TARIKH	27/04/2011	28/06/2011	27/10/2011
JUMLAH YANG DISAHKAN	96 orang	17 orang	27 orang
TAHUN 1	13	3	3
TAHUN 2	65	11	19
TAHUN 3	18	3	5

Unit Cuti Belajar

Mengikut perancangan cuti belajar sejumlah 79 orang staf akademik disasarkan untuk melanjutkan pengajian di peringkat PhD pada tahun 2011. Seramai 46 orang di peringkat PhD dan 21 orang di peringkat Sarjana. Untuk mencapai sasaran ini, Jawatankuasa Cuti Belajar bersetuju untuk menaja orang awam yang berkelayakan untuk mengikuti Skim Fellow. Skim ini telah diiklankan pada 19 Jun 2011 dan telah mendapat 225 permohonan.

Permohonan ini telah disaring di peringkat fakulti dan temuduga telah dijalankan pada 13 dan 19 September 2011. Hasil daripada temuduga tersebut, seramai 21 orang awam telah ditawarkan untuk

mengikuti Skim Fellow. Daripada jumlah tersebut seramai 19 orang telah bersetuju untuk menerima tawaran tersebut manakala 2 orang lagi telah menolak tawaran. Secara keseluruhan seramai **87 orang** staf telah lapor diri sehingga 31 Disember 2011 (Jadual 2) daripada jumlah tersebut seramai **59 orang** telah melapor diri dari pengajian di peringkat PhD dan **28 orang** di peringkat Sarjana.

Daripada jumlah staf yang telah lapor diri di peringkat PhD seramai 18 staf telah berjaya mendapat PhD dan 16 staf telah berjaya di peringkat Sarjana. Selebihnya sedang menunggu keputusan rasmi dikeluarkan atau masih lagi di peringkat penulisan tesis.

PEMBANGUNAN & PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (SAMB.)

Jadual 1 : Bilangan Staf Cuti belajar Mengikut Fakulti Tahun 2011

FAKULTI	DOKTOR FALSAFAH		JUMLAH	SARJANA	JUMLAH KESELURUHAN
	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA		DALAM NEGARA	
FKP	5	6	11	0	11
FKM	5	2	7	5	12
FKE	7	5	12	5	17
FKEKK	4	3	7	4	11
FTMK	2	2	4	0	4
FTK	0	0	0	7	7
FPTT	1	1	2	0	2
PBPI	3	0	3	0	3
FELLOW	11	0	11	7	18
JUMLAH	38	19	57	28	85

JADUAL 3
 BILANGAN STAF SEDANG CUTI BELAJAR DI PERINGKAT PHD DAN SARJANA MENGIKUT FAKULTI

FAKULTI	DOKTOR FALSAFAH		JUMLAH	SARJANA		JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN
	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA		DALAM NEGARA	LUAR NEGARA		
FKP	13	24	37	2	0	2	39
FKM	16	17	33	11	0	11	44
FKE	25	14	39	17	0	17	56
FKEKK	21	17	38	14	0	14	52
FTMK	17	13	30	1	0	1	31
FTK	0	0	0	7	0	7	7
FPTT	2	8	10	0	0	0	10
PBPI	11	2	13	1	0	1	14
JUMLAH	105	95	200	53	0	53	253

JADUAL 4

IPTA	PENSYARAH DENGAN PhD (tidak termasuk kontrak)	PENSYARAH KONTRAK DENGAN PhD		JUMLAH	PENSYARAH DENGAN SARJANA KEPAKARAN ATAU SETARAF	PENSYARAH KONTRAK TANPA HAD	PENSYARAH TANPA HAD	JUMLAH PENGISIAN	PERATUS PhD ATAU SETARAF
		Warganegara	Bukan Warganegara						
UTeM	109	2	17	19	0	16	499	643	19.91

Kesejahteraan Personel

Program yang dijalankan sepanjang tahun 2011

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT
1	PROGRAM MOTIVASI BULANAN		
1.1	Bahaya Murung	25 Februari 2011	Dewan Auditorium, Canselor
1.2	Art Therapy	29 Mac 2011	Dewan Auditorium, Canselor
1.3	Wanita: Anggun Bermaruah (Gangguan Seksual Terhadap Wanita)	2 Jun 2011	Dewan Auditorium, Canselor
1.4	Motivasi Kerja: Baguskah Aku? (Motivasi Pekerja Cemerlang)	6 Julai 2011	Dewan Auditorium, Canselor
1.5	Tajuk : Syoknya Puasa (Kebaikan & Kelebihan Puasa Dari Segi Mental & Fizikal)	9 Ogos 2011	Dewan Auditorium, Canselor
1.6	Duit: Cukup @ Tidak? (Pengurusan Kewangan)	23 Ogos 2011	Dewan Auditorium, Canselor
1.7	Sabo Je Le Yob (Pengurusan Marah)	22 September 2011	Dewan Auditorium, Canselor
1.8	I Love My Job (Ikhlaskan Bekerja)	6 Oktober 2011	Dewan Auditorium, Canselor
1.9	Aku Bukan Tanggung (Tanggungjawab Anak Terhadap Ibumama)	4 November 2011	Dewan Auditorium, Canselor
1.10	Beautiful Mind (Pemikiran Positif)	30 November 2011	Dewan Auditorium, Canselor
1.11	Kawan Biar Seribu (Hubungan Interpersonal)	27 Disember 2011	Dewan Auditorium, Canselor
2.0	BENGGKEL KENALI DIRI		
2.1	Melalui Ujian Psikologi Siri 1	17 Mac 2011	Dewan Auditorium, Canselor
2.2	Melalui Ujian Psikologi Siri 2	21 Julai 2011	Dewan Auditorium, Canselor
2.3	Melalui Kajian Tarikh Lahir (Numerology) Siri 1	12 Oktober 2011	Bilik Kuliah 5, Bangunan PPS
2.4	Melalui Kajian Tarikh Lahir (Numerology) Siri 2	16 November 2011	Bilik Kuliah 2, Bangunan PPS





Laporan Kewangan

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Kumpulanwang Mengurus

Pendapatan mengurus UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 berjumlah RM220,401,105, meningkat sebanyak 25.68% berbanding RM175,366,244 bagi tahun 2010. Daripada jumlah ini, RM200,653,946 atau 91.04% adalah pemberian Kerajaan dan bakinya RM19,747,159 (8.96%) adalah daripada sumber lain seperti yuran pengajian.

Perbelanjaan mengurus tahun 2011 berjumlah RM202,825,826 iaitu meningkat sebanyak 19.85% berbanding RM169,226,043 bagi tahun 2010, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2011 bagi pembelian aset tetap dan kerja dalam kemajuan yang berjumlah RM6,644,764.

PENDAPATAN MENGURUS - PERBANDINGAN

	2011		2010	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	200,653,946	91.04	166,315,946	94.84
Yuran dan Hasil Pelajar	19,559,651	8.87	8,876,804	5.06
Pendapatan Lain	187,508	0.09	173,494	0.10
JUMLAH	220,401,105	100.00	175,366,244	100.00


PERBELANJAAN MENGURUS - PERBANDINGAN

	2011		2010	
	RM	%	RM	%
Emolumen	90,286,953	44.52	79,450,463	46.95
Perkhidmatan dan Bekalan	97,332,369	47.99	72,897,878	43.08
Pemberian dan Bayaran Tetap	7,494,067	3.69	9,271,792	5.48
Perbelanjaan Lain	1,418,636	0.70	2,002,125	1.18
Susutnilai	5,395,891	2.66	5,603,785	3.31
Belanja Hutang Ragu	897,910	0.44	-	-
JUMLAH	202,825,826	100.00	169,226,043	100.00


PERBELANJAAN MENGURUS (PEMBELIAN ASET) - PERBANDINGAN

	2011		2010	
	RM	%	RM	%
Bangunan	797,172	12.00	-	-
Infrastruktur	731,963	11.02	307,475	12.43
Kenderaan	1,109,683	16.70	-	-
Alat Kelengkapan	3,620,283	54.48	2,074,094	83.87
Kerja Dalam Kemajuan	385,663	5.80	91,355	3.70
JUMLAH	6,644,764	100.00	2,472,924	100.00

PENDAPATAN MENGURUS BAGI TAHUN 2011



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2011



Kumpulanwang Pembangunan

Peruntukan pembangunan tahun 2011 UTeM daripada Kerajaan ialah sebanyak RM10,000,000 berbanding RM11,305,000 dalam tahun 2010, menurun sebanyak 11.54%.

bagi tahun 2010, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2011 bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan yang berjumlah RM16,058,548

Perbelanjaan pembangunan UTeM bagi tahun 2011 pula berjumlah RM25,042,640 berbanding RM28,379,475

PENDAPATAN PEMBANGUNAN - PERBANDINGAN

	2011		2010	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	10,000,000	100.00	11,305,000	100.00
JUMLAH	10,000,000	100.00	11,305,000	100.00

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN - PERBANDINGAN


	2011		2010	
	RM	%	RM	%
Perkhidmatan dan Bekalan	1,703,447	6.80	2,150,917	7.58
Susutnilai	23,339,193	93.20	26,228,558	92.42
JUMLAH	25,042,640	100.00	28,379,475	100.00

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (PEMBELIAN ASET) - PERBANDINGAN

	2011		2010	
	RM	%	RM	%
Tanah	39,375	0.25	41,060	0.25
Bangunan	2,126,430	13.24	141,585,748	74.53
Infrastruktur	29,230	0.18	-	-
Alat Kelengkapan	9,960,995	62.03	4,081,899	25.22
Pembinaan dalam Kemajuan	3,902,518	24.30	(129,520,920)*	-
JUMLAH	16,058,548	100.00	16,187,787	100.00

* Angka negatif menunjukkan pembelian bersih setelah aset siap dan dipermodalkan.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2011



Kumpulanwang Penyelidikan

Kumpulanwang Penyelidikan UTeM terdiri daripada projek-projek penyelidikan yang mendapat pembiayaan daripada Kerajaan dan pihak swasta. Jumlah pendapatan penyelidikan bagi tahun 2011 berjumlah RM2,958,895, bertambah sebanyak 92.52% berbanding RM1,536,890 bagi tahun 2010.

Perbelanjaan penyelidikan tahun 2011 berjumlah RM4,337,751 iaitu menurun sebanyak 5.04% berbanding RM4,567,899 bagi tahun 2010, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2011 bagi pembelian aset tetap berjumlah RM473,235.

PENDAPATAN PENYELIDIKAN - PERBANDINGAN

	2011		2010	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	2,958,895	100.00	1,536,890	100.00
JUMLAH	2,958,895	100.00	1,536,890	100.00

LAPORAN KEWANGAN

PERBELANJAAN PENYELIDIKAN - PERBANDINGAN


	2011		2010	
	RM	%	RM	%
Perkhidmatan dan Bekalan	3,411,583	78.65	3,677,304	80.50
Perbelanjaan Lain	750	0.02	9,389	0.21
Susutnilai	925,418	21.33	881,206	19.29
JUMLAH	4,337,751	100.00	4,567,899	100.00

PERBELANJAAN PENYELIDIKAN (PEMBELIAN ASET) - PERBANDINGAN

	2011		2010	
	RM	%	RM	%
Infrastruktur	15,700	3.32	-	-
Alat Kelengkapan	457,535	96.68	670,930	100.00
JUMLAH	473,235	100.00	670,930	100.00

اويورسي تيكنيكل مليسيا ملاك
 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERBELANJAAN PENYELIDIKAN BAGI TAHUN 2011



LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUN 2011 (TELAH DIAUDIT)
SUMMARY OF FINANCIAL STATUS AND PERFORMANCE 2011 (AUDITED)

PERANGKAAAN KEWANGAN YANG PENTING IMPORTANT FINANCIAL STATISTICS		2011 (RM)	2010 (RM)	PERBEZAAN DIFFERENCE (%)
i.	Pendapatan Mengurus / <i>Operating Income</i>			
	- Pemberian Kerajaan / <i>Government Grant</i>	200,653,946	166,315,946	20.65
	- Sumber Dalamann / <i>Internal Sources</i>	19,747,159	9,050,298	118.19
		220,401,105	175,366,244	25.68
	Pendapatan Pembangunan / <i>Development Income</i>			
	- Pemberian Kerajaan / <i>Government Grant</i>	10,000,000	11,305,000	11.54
ii.	Perbelanjaan / <i>Expenditure</i>			
	a) Mengurus / <i>Operating</i>	(202,825,826)	169,226,043	19.85
	b) Pembangunan / <i>Development</i>	(25,042,640)	28,379,475	(11.76)
		(227,868,466)	197,605,518	15.31
iii.	Lebihan/(Kurangan) / <i>Surplus/(Deficit)</i>			
	a) Mengurus / <i>Operating</i>	17,575,279	6,140,201	186.23
	b) Pembangunan / <i>Development</i>	(15,042,640)	(17,074,475)	(11.90)
		2,532,639	(10,934,274)	(123.16)
iv.	Lebihan Berkumpul / <i>Accumulated Surplus</i>			
	a) Mengurus / <i>Operating</i>	99,819,060	85,071,659	17.34
	b) Pembangunan / <i>Development</i>	553,059,729	568,102,369	(2.65)
		652,878,789	653,174,028	(0.05)
v.	Aset Tetap / <i>Fixed Assets</i>	344,479,396	354,982,075	(2.96)
vi.	Aset Semasa / <i>Current Assets</i>	165,347,439	143,443,035	15.27
vii.	Tanggungan Semasa / <i>Current Liabilities</i>	16,848,061	19,706,153	(14.50)
viii.	Tanggungan Jangka Panjang / <i>Long Term Liabilities</i>	3,712,484	3,041,832	22.05
ix.	Aset Bersih / <i>Net Assets</i>	747,068,183	726,072,988	2.89
x.	Modal Digunakan / <i>Capital</i>	743,355,699	723,031,156	2.81
xi.	Rizab Tunai / <i>Cash Reserve</i>			
	- Simpanan Tetap / <i>Fixed Deposit</i>	114,050,000	93,050,000	22.57
	- Wang di Bank / <i>Cash at Bank</i>	19,708,106	27,910,858	(29.39)
xii.	Penglibatan Modal / <i>Capital Commitment</i>			
	- Kontrak diluluskan dan terikat <i>Approved Contracts and Committed</i>	37,062,361	21,270,780	74.24
	- Kontrak diluluskan tetapi belum terikat <i>Approved Contracts but not yet Committed</i>	1,333,125	1,952,873	(31.74)
xiii.	Nisbah Kewangan / <i>Financial Ratios</i>			
	a) Aset Semasa/Tanggungan Semasa <i>Currents Assets/Current Liabilities</i>	9.81 : 1	7.28 : 1	
	b) Aset Mudah Cair/Tanggungan Semasa <i>Liquid Assets/Current Liabilities</i>	8.55 : 1	6.23 : 1	
	c) Jumlah Hutang/Jumlah Aset <i>Total Debt/Total Assets</i>	0.03 : 1	0.03 : 1	
	d) Modal Digunakan/Jumlah Tanggungan <i>Capital/Total Liabilities</i>	36.15 : 1	31.78 : 1	
	e) Modal Digunakan/Aset Tetap <i>Capital/Fixed Assets</i>	2.16 : 1	2.04 : 1	



Penggunaan Kewangan



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan UTeM bagi tahun 2011 adalah berpandukan kepada perancangan strategik Universiti yang dilaksanakan melalui *Balanced Scorecard*.

Inisiatif

Pihak kementerian telah menetapkan supaya semua IPTA dapat berusaha ke arah *self funding* dan kurang bergantung kepada geran Kerajaan. Strategi UTeM adalah melibatkan pengurusan sumber yang cekap, peningkatan penjana pendapatan dan penyampaian perkhidmatan

yang berkualiti. Beberapa inisiatif telah dimulakan dan Pejabat Bendahari terlibat dalam perancangan dan objektif yang ditetapkan terutama berkaitan program penjimatan dan penjana pendapatan.

Sijil Ketua Audit Negara

Ketua Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Bersih untuk Penyata Kewangan UTeM Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011. Ia adalah sijil bersih untuk tahun yang ke-11 sejak Universiti ini ditubuhkan pada 1 Disember 2000.

Penghargaan ini wajar dirasai oleh semua pihak yang terlibat dalam pengurusan kewangan serta pembangun Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu yang digunakan.

Pencapaian Lain

Pejabat Bendahari terlibat dalam Program Kualiti UTeM dan salah satu projek ialah berkaitan mengurangkan masalah kelewatan menjawab telefon. Kumpulan Pro-Evolution yang ditubuhkan di bawah Program Kualiti Pejabat Bendahari terdiri daripada sembilan ahli dan seorang fasilitator di kalangan staf Pejabat Bendahari merupakan penyumbang utama bagi menjayakan projek ini dan menghasilkan 'Calling Tower'. Projek dimulakan pada September 2010 dan prototaipnya siap dipasang di setiap bahagian Pejabat Bendahari pada Oktober 2011. Dalam program Persekitaran Berkualiti 5S yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Bendahari sejak tahun 2007, pejabat ini telah memenangi anugerah Emas di Konvensyen Persekitaran Berkualiti 5S Kebangsaan 2011 yang diadakan pada 19 hingga 20 Oktober 2011.

Laporan Ketua Audit Negara 2010 berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah dikeluarkan pada 8 November 2011. Bagi tahun 2010, UTeM mendapat tahap BAIK dengan markah 86.55 iaitu 3 bintang berbanding bagi tahun 2007, UTeM mendapat tahap MEMUASKAN iaitu 2 bintang. Di kalangan IPTA, kedudukan UTeM juga meningkat dari tempat ke-15 daripada 16 IPTA yang diaudit kepada tempat ke-10 daripada 19 IPTA. Dengan kerjasama semua warga UTeM, Pejabat Bendahari yakin UTeM akan mencapai 4 bintang iaitu SANGAT BAIK untuk pengauditan pada tahun 2013 akan datang, seperti yang diharapkan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi UTeM dan juga KPT.

Ketua


Sijil Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Bagi Akhir Tahun Berakhir
31 Disember 2011

Audit Negara Malaysia



اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**


Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.



(LIM CHIN TEONG)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 JUN 2012



اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, DATUK IR. DR. HAJI AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN dan PROFESOR DATUK DR AHMAD YUSOFF BIN HASSAN, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan pada 31 Disember 2011 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



DATUK IR. DR. HJ. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN
Pengerusi Lembaga Pengarah



PROFESOR DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Naib Canselor

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

Tarikh : 19 JUN 2012
Melaka

Tarikh : 19 JUN 2012
Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, KHAIRUL BIN TAIB, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
KHAIRUL BIN TAIB, di negeri Melaka
pada 27.3.2012

)
)
)
)
KHAIRUL BIN TAIB
NO. K/P : 630321-01-6027



اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


PESURUHJAYA SUMPAAH



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2011

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2011 RM	2010 RM	2011 RM	2010 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	<u>344,513,547</u>	355,032,301	<u>344,479,396</u>	354,982,075
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	5	<u>253,232,923</u>	246,547,545	<u>253,232,923</u>	246,547,545
SYARIKAT SUBSIDIARI	6	<u>-</u>	-	<u>856,486</u>	806,486
ASET SEMASA					
Penghutang	7	<u>3,832,700</u>	4,075,831	<u>3,832,700</u>	4,068,347
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	8	<u>17,423,774</u>	16,578,799	<u>17,423,774</u>	16,578,799
Pendapatan Terakru		<u>10,332,859</u>	1,835,031	<u>10,332,859</u>	1,835,031
Simpanan Tetap	9	<u>114,050,000</u>	93,050,000	<u>114,050,000</u>	93,050,000
Tunai di Tangan dan di Bank		<u>20,932,250</u>	28,935,330	<u>19,708,106</u>	27,910,858
		<u>166,571,583</u>	144,474,991	<u>165,347,439</u>	143,443,035
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang	10	<u>17,050,766</u>	20,426,272	<u>16,848,061</u>	19,706,153
		<u>17,050,766</u>	20,426,272	<u>16,848,061</u>	19,706,153
ASET SEMASA BERSIH		<u>149,520,817</u>	124,048,719	<u>148,499,378</u>	123,736,882
		<u>747,267,287</u>	725,628,565	<u>747,068,183</u>	726,072,988
Dibiayai oleh :					
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA					
KUMPULANWANG MENGRUS	11	<u>99,819,060</u>	85,071,659	<u>99,819,060</u>	85,071,659
KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	12	<u>553,059,729</u>	568,102,369	<u>553,059,729</u>	568,102,369
KUMPULANWANG PENYELIDIKAN	13	<u>9,453,749</u>	7,888,765	<u>9,453,749</u>	7,888,765
KUMPULANWANG INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI)	14	<u>45,000,000</u>	40,000,000	<u>45,000,000</u>	40,000,000
KUMPULANWANG PINJAMAN KENDERAAN	15	<u>5,000,000</u>	5,000,000	<u>5,000,000</u>	5,000,000
KUMPULANWANG PINJAMAN KOMPUTER	16	<u>400,000</u>	400,000	<u>400,000</u>	400,000
KUMPULANWANG PENDAPATAN	17	<u>22,665,713</u>	16,568,363	<u>22,665,713</u>	16,568,363
KUMPULANWANG PERUNTUKAN KHAS	18	<u>7,957,448</u>	-	<u>7,957,448</u>	-
KEUNTUNGAN TERKUMPUL SYARIKAT SUBSIDIARI	19	<u>199,104</u>	(107,492)	<u>-</u>	-
		<u>743,554,803</u>	722,923,664	<u>743,355,699</u>	723,031,156
KEPENTINGAN MINORITI		<u>-</u>	(336,931)	<u>-</u>	-
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	20	<u>3,712,484</u>	3,041,832	<u>3,712,484</u>	3,041,832
		<u>3,712,484</u>	3,041,832	<u>3,712,484</u>	3,041,832
		<u>747,267,287</u>	725,628,565	<u>747,068,183</u>	726,072,988

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota kepada penyata kewangan di muka surat 6 hingga 20.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2011 RM	2010 RM	2011 RM	2010 RM
OPERASI BERTERUSAN					
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan	21	241,694,561	196,232,311	241,694,561	196,232,311
Yuran dan Hasil Pelajar		21,141,675	10,444,394	21,141,675	10,444,394
